



# akhtar MASARISWA

Universiti Pertanian Malaysia

JILID 2 BIL. 1

APRIL 1991

EKSPEDISI BERJALAN KAKI MAHASISWA UPM- DATARAN MERDEKA

## AKTIVITI TERBAIK SEPANJANG SEMESTER: TNC-HEP

SAAID MAJID



Bergambar kenangan di Dataran Merdeka setelah berjalan dari UPM – Dataran Merdeka

### Di dalam

- o Barang Antik di UPM.
- o Nostalgia Bergambar.
- o Gelagat: Salah sangka.
- o Silang kata KAM.
- o 'Parking di UPM?
- o Benih tanaman boleh dibeli bila-bila masa.
- o Projek Home Coming.

**TIMBALAN** Naib Canselor (HEP) Prof. Dr. Sulaiman Hj. Mohd. Yassin mengumumkan bahawa ekspidisi berjalan kaki mahasiswa UPM — Dataran Merdeka, yang diadakan pada 10 Mac lalu sebagai aktiviti terbaik sepanjang semester ini.


Pengumuman ini dilafazkan, sebelum beliau melepaskan peserta ekspedisi berjalan kaki pada jam 12.01 malam 10 Mac lalu di hadapan Kolej Kediaman Ke-2 (KK2).

Beliau menasihati peserta ekspedisi supaya menyimpan gambar-gambar sepanjang perjalanan supaya boleh di-

jadikan kenangan apabila telah bergraduat ke-lak, di mana peristiwa ini tidak akan berulang lagi.

"Dipandang dari sudut luaran apalah maknanya berjalan kira-kira 24.6 km? Tetapi setiap langkah menuju ke dataran Merdeka merupakan langkah-langkah yang berterusan untuk mencapai matlamat setelah bergraduat," tambahnya.

Katanya, apa yang penting ialah azam dan matlamat dalam sesuatu pekerjaan dan membuktikan pelajar mempunyai semangat dan usaha untuk berjaya. Sementara itu wakil



Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof. Dr. Sulaiman Haji Mohd. Yassin

menteri Belia dan Sukan, Encik Kamal Abdullah telah menyambut ketibaan peserta ekspedisi di Dataran Merdeka.

Dalam ucapan ringkasnya, kementerian memuji langkah yang diambil oleh Kelab Akhbar Mahasiswa dengan kerjasama Hal-Ehwel Pelajar (HEP) mengadakan ekspedisi ini.

Ekspedisi ini dianggap untuk kerana ia dilakukan pada waktu malam hingga ke pagi dan dapat membentuk mental yang kukuh dan memantapkan fizikal pelajar-pelajar.

Seterusnya beliau menyatakan aktiviti ini te-

lah memenuhi hasrat kementerian untuk melahirkan manusia yang cergas, harmoni, cemerlang, mulia, peramah dan lain-lain.

Pengerusi Kelab Akhbar Mahasiswa, Encik Ahmad Shafrin Abdul Aziz, menjelaskan tujuan utama ekspedisi ini ialah menanamkan semangat patriotik kepada peserta. Semangat ini penting bagi membangun dan memajukan masyarakat di samping itu dapat melengkapkan ketahanan mental dan fizikal mereka melalui ekspedisi yang menarik seperti ini.

Pengaruh Jawatan kuasa Ekspedisi, M

Roslan Ismail berkata, sambutan yang diterima di luar jangkaan kerana pihak KAM beranggapan aktiviti ini tidak akan mendapat sambutan.

"Tetapi kira-kira 100 peserta yang menyertai ekspedisi ini dan kesungguhan mereka terserlah apabila sama-sama berjaya mencapai matlamat yang diharapkan," katanya.

KAM akan berusaha bergiat lebih cergas lagi bukan sahaja untuk ahlinya tetapi pelajar dari kelab lain semoga dapat bertukar-tukar fikiran dan pengalaman.

Gambar-gambar eks-pedisi di m.s. 12 dan 13

as/M  
1991

14

Bila semester hampir tamat, mahasiswa/ideam. Demam aneh ini melanda semua mahasiswa/irasanya tidak ada yang terkecuali. Kalau ada pun yang tak demam boleh jadi jumlahnya tersangat sedikit. Itulah "Demam Peperiksaan".

KAM sempat meninjau beberapa tempat, Perpustakaan terutamanya. Waktu ini perpustakaan penuh, ramai pelajar study. sebelum haba demam pun ramai juga di Perpustakaan, tanda "Jangan Bising" itu tidak banyak kesannya.

Tapi bilamana demam peperiksaan melanda mahasiswa menjadi serius dan senyap sepi. Semuanya study. Bagaikan tanda 'Jangan Bising' itu sudah boleh bercakap dan boleh menarik telinga sesiapa yang bising.

KAM sempat bertanya pada seorang siswazul namanya dari KTP mengenai mahasiswa demam ini. mengikutnya:

"Waktu ini perangai setengah-setengah kawasan berubah, dari periang menjadi pendiam dan serius. Kadang-kadang ditegur pun tak mau bercakap. Tak mau jawab! Seolah-olah exam tu macam raksasa yang akan menelannya bulat-bulat."

terpampang di merata-rata tempat digedung itu tapi mahasiswa yang terkenal dengan banyak idea-idea itu diajak debat antara kawan, tanda "Jangan Bising" itu tidak banyak kesannya.

## SIDANG REDAKSI akbar yang dinamik, yang progresif MAHASISWA

Universiti Pertanian Makaysia

**Ketua Editor:**  
Zain Ariff

**Editor:**  
Norhanida Noordin Merican  
Hasani Hassan

**Ketua Penyunting:**  
Saaid Majid

**Ketua Rekabentuk:**  
Hussain Osman

**Ketua Pengedaran:**  
Norazuwa Mohd. Pahri

**Ketua Pengiklanan:**  
Ahmad Jusoh  
Nik Shafirudin Nik Shahar Shah

**Pemberita:**  
Anggota Kelab Akbar Mahasiswa

### Pengumuman

Dipelawa kepada pembaca Akbar Mahasiswa untuk menghantarkan sebarang bahan untuk disiarkan di dalam akbar ini.

## LIDAH PENGARANG

### SELAMAT MENGHADAPI PEPERIKSAAN

#### YURAN PENGAJIAN

Pelajar menjadi "panas" bila mana mendengar tentang kenaikan yuran pengajian.

Saudara/i telah banyak kali menghadapi peperiksaan. setakat ini semuanya telah berjaya dilalui dengan jayanya. Jadi yang akan datang ini adalah sebagai tambahan dari segi jumlahnya. Tercatat sebagai tambahan kepada dari anda sebagai pelajar.

Kelulusan yang cemerlang harus menjadi matlamat. Semua hadiah atau pingat-hanya diberi kepada mereka yang memperolehi 3.0 ke atas. Pastikan anda sentiasa menambah Purata Timbunan.

Selamat Menduduki Peperiksaan!

Peringkat Sarjan dan PhD  
\$3,000 - \$10,000

YBhg. TNC (HEP) di dalam pengumumannya baru-baru ini menyatakan bahawa:-

#### Peringkat Diploma

Semester Julai	Semester Disember
\$500.00	\$500.00

#### Peringkat Ijazah

Semester Julai	Semester Disember
\$1,500	\$1,500

Desas desus di kalangan pelajar mengatakan bahawa hanya UPM saja yang menaikan yuran. Perkara kenaikan Yuran Pegajian ini sebenarnya adalah untuk semua Institusi Pengajaran Tinggi Tempatan.

Perkara ini penting untuk diketahui oleh semua pelajar. Agar bilamana ada orang bertanya; maka jawapan yang betul diberikan. Sebabnya jika salah jawab, nama baik UPM akan terbabit dan ini akan mengurangkan minat mereka untuk memasuki dan belajar di UPM. Hati-hati supaya jangan tanpa kita sedari atau kerana kekurangan maklumat maka yang rosak adalah nama baik institusi tempat kita belajar. Untuk membinanya kembali, ianya memakan masa!

Saudara/i  
Yuran pengajian peperiksaan, alatan belajar dan sebagainya adalah sebahagian daripada kehidupan mahasiswa. Tanpa benda-benda itu ertiinya juga tiadalah mahasiswa!

## GUNAKAN MASA CUTI SEMESTER UNTUK BERBAKTI KEPADA MASYARAKAT

Norazwa Mohd. Pahri  
Haidawati Aine

KAM mengucapkan Selamat Bercuti dan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada semua pembaca Akbar Mahasiswa.

PELAJAR universiti diminta supaya menggunakan masa cuti semester membantu masyarakat terutama luar bandar dalam pelbagai bidang yang memerlukan khidmat mereka dari ke semasa ke semasa.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Encik Mohd. Yassin Haji Kamari berkata, pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi di universiti boleh

membantu masyarakat luar bandar meningkatkan lagi taraf hidup mereka.

Amatlah sesuai sekiranya persatuan dan badan beruniform sama ada secara individu atau kumpulan menggunakan masa cuti mereka dengan cara yang berfaedah menganjurkan program di luar bandar. Beliau berkata demikian Kolej Kediaman Pendita Zaaba

UPM sempena Malam Tokoh dan Anugerah Pelajar. Turut hadir sa- ma ialah Naib Canselor UPM, Tan Sri Nayan Ariffin dan Pengetahuan Haji Ali Yakob.

Encik Mohd. Yassin berkata kegiatan yang dijalankan dengan masyarakat akan memberi pendedahan yang berguna sebagai pengalaman awal sebelum berdepan dengan cabaran besar pada akan datang.

Kegiatan seumpama ini bukan sahaja berguna sebagai kerjaya hidup tetapi dapat merapatkan lagi hubungan baik di antara kedua pihak.

"Kita tidak mahu mendengar rintihan masyarakat bahawa pelajar universiti enggan berampur dengan penduduk luar bandar dan menjauhkan diri dalam kegiatan pertanian," katanya.

Tambahnya, pelajar haruslah berani bertindak mengikut saluran yang betul semata-mata untuk membangunkan masyarakat di dalam dan luar bandar mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang terutama sosioekonomi.

Sementara itu, di majlis anugerah untuk kolej kediaman itu, pelajar program bachelors kejuruteraan (elektronik dan komputer), Fauziah Sahar menerima anugerah Pelajar Terbaik keseluruhan.

Samsul Mutaza Abu Bakar (Anugerah Khas), Muhamad Yazed Haji Muhamin (Pemimpin Berbakat) Mohd. Raffi Haji Yusop dan Suraiya Abdul Rahman (Akademik Terbaik), Amri Abdul Majid dan Maimunah Mahmood (Tunas Kepimpinan) dan Shariman Hassan Aziz (Personaliti Kolej).

Isteri Prof. Dr. Sulaiman Hj. Mohd. Yassin, TNC (HEP) bersama setiausaha pasukan, Pasukan Sukarelawan YBK - UPM menyumbangkan pakaian kepada keluarga miskin di Selangor D. E.



## JAMU SELERA DI NESCAFE KK2

AHMAD JUSOH

NESTCAFE Kolej Kediaman Kedua (KK2), berhampiran Dewan Makan Keningalang KK2 telah dibuka semula pada 4 Mac 1991 yang lalu setelah sekian lama menyepi.

Nestcafe KK2 ini adalah hasil usaha pihak kolej untuk membantu bekas pelajar UPM dan KK2 khasnya untuk mencari rezeki memandangkan mereka masih belum mendapat pekerjaan yang tetap.

Menurut salah seorang bekas pelajar KK2 yang turut serta dalam menjayakan Nestcafe ini, Azmin Yusoff, modal bagi membuka semula Nestcafe ini adalah sebanyak \$600 bagi membeli barang-barang mentah sementara segera peralatan lain diberi oleh pihak kolej untuk membantu mereka.

Peluang kerja dibuka kepada warga KK2 untuk bekerja separuh masa manakala tukang masaknya pula diambil dari luar untuk memastikan masakannya bermutu.

Beliau juga berharap

segala usaha yang dijalankan oleh mereka ini akan menjadi contoh teladan kepada semua pelajar khususnya pelajar KK2 supaya tidak memilih pekerjaan serta malu melakukan pekerjaan seperti berniaga kerana dengan demikian kita tidak akan maju dan yang pastinya kerja seperti ini adalah halal.

Seorang warga KK2 yang ditemui, Wan Mohd. Nasri Wan Ab. Rahman, berkata dengan adanya nestcafe ini mereka tidak perlu lagi keluar untuk mendapatkan makanan.

Tambahnya lagi masakan yang ada di sini adalah bermutu dan setanding dengan kantin-kantin yang ada di sekitar kampus.

Beliau juga berharap agar usaha seperti ini diteruskan sampai bilangan dan tidak terhenti separuh jalan dan segala komennya hendaklah secara terbuka dan bukannya dari belakang kerana ia mungkin akan menggagalkan usaha yang murni ini.

Dalam perjumpaan KAM dengan Encik Ah-

mad Mokhtar di bilik gerakannya, beliau telah memberi kerjasama sepenuhnya dalam sesi soal jawab serta menggunakan beberapa carta untuk menerangkan pembangunan daerah Cameron Highland ini.

Beliau berharap lebih ramai pelajar universiti berkunjung ke daerah-



Encik Ahmad Moktar (duduk bertali leher) bersama ahli KAM

nya kerana beliau beranggapan banyak lagi perkara yang boleh menambahkan pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada.

Pihaknya bersedia memberi kerjasama sekiranya ada kumpulan yang ingin ke daerahnya sama ada untuk lawatan atau penyelidikan seba-

gai langkah menarik lebih ramai lagi pelawat ke daerah ini.

Encik Ahmad Mokhtar berkata, pihaknya sedang merancang untuk menjadikan Cameron Highland sebagai salah sebuah pusat pelancongan yang terkenal di negara ini.

Oleh itu, pelbagai

projek sedang dijalankan dengan kerjasama agensi kerajaan dan swasta untuk mengindahkan bandar ini untuk menarik lebih ramai pelancong dalam dan luar negara berkunjung ke Cameron Highland.

## MALAM SAKINAH DAPAT SAMPUTAN

Oleh Hasani Hassan

BERSEMPENA dengan Minggu Kolej Kediaman Keenam yang inilah, jawatankuasa induk perayaan tersebut telah menganjurkan satu rangkaian persembahan kebudayaan yang bertemakan kehidupan Islam di Dewan Sri Teratai kolej itu.

Persembahan yang dinamakan Malam Sakinah telah ditonton oleh seramai lebih 500 orang mahasiswa-mahasiswa dan juga pengunjung dari luar kampus, dewan telah dipenuhi dan akibatnya ramai penonton terpaksa berdiri kerana kekurangan tempat duduk.

Malam Sakinah berjaya menarik hati para penontonnya untuk sa-

lah berjaya menyedarkan dirinya untuk bangkit dari lamunan hidup dan menginsafi diri sendiri dan kagum dengan susun surat acaranya sehingga berjaya mengadakan persembahan yang hidup dan seolah-olah berasa dirinya ada di dalam cerita tersebut.


Kebanyakan penonton mengatakan persembahan tersebut sungguh menarik dan berjaya malah ramai juga yang berpendapat persembahan seperti itu patut diadakan lagi pada masa akan datang dengan lebih bertentara kerana ia mampu mewujudkan keinsafan di dalam diri penontonnya.

Persembahan itu turut dihadiri oleh pengetua kolej Encik Jacob Ibrahim dan beberapa pegawai Hal-Ehwal Pelajar.

Pelajar terbabit di dalam persembahan itu telah mendapat khidmat nasihat dan bimbingan dari kumpulan Al-Arqam yang dijemput khas dari Sungai Pencala



Salah satu kumpulan sedang bernasyid



Sebuah drama bercirikan islam

## KAD PLK – PELAJAR SAMPUTAN BAIK

Ahmad Jusoh

PENGUATKUASAAN bagi setiap pelajar yang tinggal di luar kampus membuat kad Pelajar Luar Kampus (PLK) pada umumnya disambut baik, walaupun terdapat beberapa sungutan tentang pelaksanaan itu.

Beberapa pelajar yang sempat ditemui, menyatakan agar pihak yang terbabit supaya ti-

dak menyuruh menukar kad tersebut setiap semester, memadailah sekali sahaja sepanjang pengajian di universiti ini.

Bagi pelajar PLK yang telah bertukar alamat semasa berada di UPM, pelajar berkenaan perlu memberitahu pihak Hal-Ehwal Pelajar (HEP) sebagai makluman.

## KK2 ANJUR PERTANDINGAN LAYANG-LAYANG

Mazlah Awang

KOLEJ Kediaman Kedua (KK2), Universiti Pertanian Malaysia (UPM), telah menempa sejarah apabila berjaya menganjurkan pertandingan layang-layang yang julung-julung kalinya diadakan di UPM.

Pertandingan layang-layang itu berlangsung pada Feb. 1991 di padang ragbi berhadapan KK2 SRS acara pembukaan Hari Kolej KK2 dan telah dirasmikan oleh pengetuannya, Encik Mahfooz Hj. Harun.

Pertandingan tersebut terbuka kepada semua

pelajar dan kakitangan UPM dan dibahagikan kepada dua kategori iaitu berdasarkan ketinggi-an dan keunikan.

Serentak dengan pertandingan tersebut diadakan juga pertandingan mendirikan khemah yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian lelaki dan perempuan.

Ketua Unit Kebudayaan Hal-Ehwal Pelajar (HEP), Tuan Hj. Mahmud Hj. Abdullah telah diberi penghortman untuk mengadili pertandingan itu.

# Kepimpinan Pelajar

oleh  
Encik Othman Mohamed, Ph.D. (Ohio)

Penyelaras, Unit Bimbingan dan Kaunseling  
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia.

SEBELUM kita sama-sama menjelajahi dimensi-dimensi yang terdapat dalam kepimpinan pelajar, elok kita fahamkan apakah yang dimaksudkan dengan perkataan kepimpinan itu sendiri. Kepimpinan yang dimaksudkan di sini berasaskan kepada pengaruh interpersonal melalui proses komunikasi. Selanjutnya, proses ini menuju ke arah suatu matlamat atau matlamat-matlamat yang spesifik. Definisi ini yang diketengahkan oleh Tannenbaum, Weschler dan Massarik (1961) membawa beberapa pengertian serta implikasi dalam tindakan, fungsi, sebagai seorang pemimpin.

Apabila komunikasi interpersonal itu diguna bagi tujuan mempengaruhi perhubungan interpersonal, maka corak kepimpinan dan selanjutnya kuasa itu sendiri secara langsung juga dipengaruhi oleh gaya komunikasi yang digunakan oleh pemimpin.

Kalau kita perhatikan dalam dimensi kepimpinan, ada terdapat empat kategori untuk mendapatkan kuasa dan autoriti.

Pertama, kuasa dan autoriti boleh dicapai melalui daya kekuatan. Apabila cara ini digunakan maka wujudlah suatu sikap dari pemimpin itu bahawa dia adalah yang

lebih kuat, dia adalah yang

lebih pintar dari orang-orang di sekelilingnya.

Kedua, kuasa dan autoriti juga boleh dicapai melalui secara keturunan.

Bermakna di sini

kuasa yang diperolehi

dianugerahkan secara

turun-temurun. Ketiga,

kuasa dan autoriti boleh

juga dicapai secara ke-

betulan kerana tidak

ada orang lain di dalam

suatu kelompok itu yang

mahu kuasa dan au-

toriti. Keempat, kuasa

dan autoriti itu dicapai

hasil dari pemberian

kuasa secara delegasi.

Cara ini bermakna seo-

rang pemimpin itu dapat

kuasanya dari suatu

kumpulan melalui pro-

ses pemilihan, proses

pengundian, proses de-

mokrasi.

Cara jenis keempat

inilah yang paling ham-

pir dengan keadaan

yang sedang dipikul oleh

pelajar masa kini. Kebe-

tuhan, kuasa yang diper-

oleh hasil dari delegasi

ini juga mempunyai ca-

baran-cabarannya yang be-

gitu luas dalam daya me-

nju ke arah kecemer-

langan kepimpinan.

Proses kepimpinan se-

bagai seorang pelajar le-

bih kurang sahaja caba-

rannya dengan proses

kepimpinan yang dilalui

oleh pemimpin-pemim-

pin dalam komuniti kita.

Apabila ada pemimpin

sudah tentunya ada juga

pengikut-pengikutnya.

Oleh yang demikian seorang pemimpin itu perlu mengambil kira serta peka terhadap nilai dan sikap yang dianut oleh pengikut-pengikut, ahli-ahli dalam kumpulan atau organisasinya.

Dari segi aspek psikologi kepimpinan, seorang pemimpin itu perlu mengambil kira dimensi dalam proses perhubungan interpersonal seperti yang telah disebutkan. Sebagai seorang pemimpin, akan berhadapan dengan ahli-ahli di dalam kumpulan yang bergantung kepada pemimpin. Dalam dimensi ini pelajar-pelajar sentiasa diharapkan bertindak, bergerak bagi mencapai sesuatu matlamat oleh ahli-ahli. Sebaliknya, berkemungkinan saudara saudari akan berhadapan dengan suatu keadaan di mana tidak wujud dimensi pertanggungan terhadap pemimpin malahan timbul suatu situasi di mana ada ciri-ciri penentangan, sama ada oleh ahli-ahli secara persendirian ataupun secara penentangan yang berkelompok. Apabila dimensi ini berlaku maka timbulah kekecohan, penolakan terhadap kepimpinan.

Dari segi aspek psikologi kepimpinan, kepimpinan yang berkesan adalah keupayaan untuk mengurangkan kedua-dua dimensi interpersonal yang ekstrem ini.


Sangat perlu dalam proses perhubungan interpersonal ini, wujudnya sikap saling bantu membantu oleh kedua-dua pihak — pemimpin serta ahli-ahli. Maka di sini kemahiran memilih serta menggunakan gaya kepimpinan akan menjadi kayu pengukur menentukan keberkesanannya seorang pemimpin itu. Seorang pemimpin itu perlu faham dan bersempena dengan ahli-ahli di dalam kumpulan yang lebih autokratik atau lebih demokratik.

Di sini tersematnya kefahaman dan kepekaan seorang pemimpin itu terhadap suasana dinamik interpersonal yang wujud dalam kelompok atau organisasinya serta kepekaan dinamik interpersonal ini ada kaitannya dengan kesihatan mental seseorang pemimpin.

Penggunaan konsep kesihatan mental ini dalam erti kata yang luas, bermaksudkan kepada perkembangan personaliti, termasuklah sikap, motivasi dan berfikir secara positif. Dalam erti kata yang lain, sikap dalam pembentukan seorang pemimpin itu merangkumi jiwa yang murni, akhlak yang bersih, penuh kesabaran, tegas, cekap, bertimbang rasa dan amanah.

## SILANG KATA

### SIRI AM 1



**KELOLAAN:** EWA  
MATT  
EDA

#### MELINTANG:

1. Tambah 'me' sesuai untuk merah
4. Si celaka, pembawa mala petaka
8. Manusia
10. Takungan air
12. Ukuran lama
13. Gaya atau mengeluhan
14. Seperti akar serabut
15. Salat satu deria
17. Kembangan duka
20. Sambungan inti
21. Berasal dari Jawa
24. Tidak bergerak
26. Pendekan kata ganti penunjuk
27. Hampir menjadi beku
30. Sejenis buah
32. Tidak disukai oleh ahli kumpulan
34. Akibat perbuatan
36. Berleher panjang
39. Binaan atas jirim
41. Orang kaya harus menolong mereka
42. Tetak
43. Musuh agama
44. Penambah 'lah' hubungan subjek dan predikat
46. Berlu diselimuti
49. Benda itu (Inggeris)
51. Menunjuk-nunjuk/tidak ikhlas/di permukaan
52. air
54. Gandakan bermaksud rugi!
56. Memabukkan
58. Saudara baru bagi orang Islam
60. Limpah kurnia/bantuan
62. Penghujung cerita (Inggeris)
64. Kenduri arwah
66. Sejenis makanan
68. Demokrasi
70. Bau masam, ketika siapa busuk?
72. Untuk memasak
74. Permulaan panggilan nama
76. Bukan ya lagi
78. Buangnya tinggal 'a'

#### KE BAWAH:

1. Krismas
2. Abjad
3. "...macam mana dia buat?" (terpegun)
4. Tetap
5. Saya (Arab)
6. Penyakit yang melelahkan
7. Dikaitkan dengan suara
9. Tidak akan buat lagi
23. Limpah kurnia/bantuan
25. Penghujung cerita (Inggeris)
27. Kenduri arwah
29. Sejenis makanan
31. Demokrasi
33. Bau masam, ketika siapa busuk?
35. Untuk memasak
37. Permulaan panggilan nama
39. Bukan ya lagi
41. Buangnya tinggal 'a'

## KLINIK TEKNIKAL DI HARI PETANI 1991

MUHAMMAD ZAWAWI YUSOF

KLINIK Teknikal yang diadakan di Cawangan Hortikultur, Bahagian Ladang Universiti Pertanian Malaysia (UPM) adalah acara kemuncak Hari Petani 1991.

Klinik Teknikal yang diadakan tiap-tiap tahun adalah untuk memberi peluang kepada para petani dari kawasan pengembangan UPM berbinang dengan pakar dari UPM di samping menyalurkan penemuan-penemuan baru oleh UPM kepada para petani.

Pada kali ini Klinik Teknikal ditumpukan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan tanaman buah-buahan di peringkat awal (semaian), ia dipilih kerana sesetengah daripada kawasan-kawasan pengembangan UPM mempunyai dusun dan didapati perguruan tanaman belum begitu

sempurna dan masih perlu diperbaiki.

Tujuan Klinik Teknikal diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada petani tentang pengurusan awal tanaman buah-buahan yang sepatutnya dijalankan.

Di samping itu bertujuan untuk menggalakkan perbincangan yang lebih terbuka antara di antara para petani dengan pakar-pakar di UPM dan mengeratkan lagi hubungan yang sedia ada.

Tajuk yang dibincangkan di Klinik Teknikal adalah mengikut keperluan penduduk di kawasan pengembangan, bahagian ladang, Fakulti Pertanian, Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan masing-masing membincangkan Sistem Pengairan Yang Sesuai Di Tapak Semaian dan Pengurusan Kewangan bagi tapak semaihan.

UPM mempunyai kawasan pengembangan di Daerah Seremban dengan melibatkan 2,690 keluarga manakala daerah Kuala Langat pula 237 keluarga.

Antara tajuk yang dibincangkan oleh Ba-

### PANTUN RIA KK6

### Lawatan Ke KFC

#### MAZLAH AWANG

SERAMAI 34 orang ahli Persatuan Teknologi Makanan (TEMAN) daripada Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM telah menyertai lawatan ke Kentucky Fried Chicken (KFC), Food Processing Sdn. Bhd. di Pelabuhan Kelang pada bulan Februari 1991 yang lalu.

Aktiviti lawatan tersebut disertai oleh pelajar-pelajar tahun 1 dan 2 di bawah anjuran Setiausaha Perhubungan TEMAN, UPM.

Lawatan ke KFC itu

bertujuan untuk mendahului para pelajar kepada salah satu teknik

lis yang berlangsung sebanyak tiga pusingan ini ialah fellow KK6, En. Awang Idris dan Pengurus Jawatankuasa Ter-

pemprosesan yang xanggih dalam perusahaan makanan dan menambah minat pelajar untuk lebih mendalamai bidang perusahaan makanan.

Menurut salah seorang peserta tahun pertama dari kursus Teknologi Makanan, Cik Hafizhoh Din, dengan mengikuti rombongan tersebut minatnya dalam perusahaan makanan bertambah dan ia juga dapat melihat dengan lebih dekat cara-cara memproses makanan seperti Chicken Ball, Ayamas, sosej dan ayamayam yang dibekalkan untuk restoran KFC.

tinggi Pelajar KK6, Sdra. Amer Hamzah Jantan.

JULIAH FADIR

# 8000 PELAJAR IKUTI MINGGU KERJAYA UPM

M. Roslan Ismail

KIRA-KIRA 8000 pelajar mengikuti pelbagai program kerjaya sempena Minggu Kerjaya Universiti Pertanian Malaysia (UPM) yang bertemakan 'Ke arah mahasiswa berdikari' yang berlangsung selama tiga hari berturut-turut di Dewan Besar UPM, baru-baru ini.

Minggu Kerjaya yang dianjurkan oleh Kelab Kaunseling dan Kerjaya dengan dibantu oleh pelajar tahun tiga program Bimbingan dan Kaunseling dirasmikan oleh Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr. Mohd. Yusof Noor.

Langkah pihak pengangur mengadakan pelbagai program kerjaya dengan kerjasama agensi kerajaan dan swasta berjaya menarik bukan sahaja pelajar universiti ini tetapi pelajar sekolah dari Wilayah Persekutuan, Selangor dan Negeri Sembilan.

Di antara program yang diadakan ialah ceramah kerjaya dalam pelbagai bidang, bengkel penulisan, diskusi kerjaya seni suara dan perfileman oleh Encik Ahmad Daud dan Encik Zin Mahmood, pameran kerjaya dalam dan luar negara.

Di samping itu dua program yang berjaya menjadi tumpuan ialah ujian kerjaya 'on-line' berkomputer yang menentukan apakah kerjaya yang sesuai dengan diri pelajar selepas tamat pengajian berdasarkan empat ujian yang diadakan.

Proses temuduga yang dijalankan kepada pelajar tahun akhir di universiti ini oleh beberapa syarikat swasta yang turut menyertai Minggu



Pengarah Urusan Jaya Jusco, Encik Akihito Tanaka menyampaikan cek kepada TNC (HEP).

Kerjaya ini juga mendapat sambutan yang menggalakkan.

Pengarah Minggu Kerjaya, Mohd. Mujahid Sukaimi berkata dengan adanya kegiatan ini akan menimbulkan kesedaran kepada pelajar bahawa perancangan kerjaya untuk masa depan amat diperlukan.

BAGI mencapai sesuatu kerjaya, seseorang mahasiswa perlu mempunyai perancangan kerjaya yang sistematis lebih-lebih lagi untuk disesuaikan dengan keperluan guna tenaga dalam negara, demikian kata Menteri Perusahaan Awam Dato' Dr. Yusof Noor di perasmian Minggu Kerjaya UPM.

Minggu Kerjaya yang berlangsung selama 3 hari iaitu 5 hingga 7 Mac ini adalah anjuran bersama Kelab Kaunseling dan Kerjaya dan Unit Kaunseling dan Kerjaya, Hal-Ehwal Pelajar Universiti Pertanian Malaysia dengan kerjasama Kementerian Perusahaan Awam.

Tujuan utama program ini diadakan ialah

untuk memberikan kesempatan kepada para pelajar mendapatkan maklumat tentang corak dan peluang kerjaya pada masa sekarang untuk membolehkan mereka membuat persiapan awal dalam perancangan kerjaya mereka kelak. Tema Minggu Kerjaya pada kali ini ialah 'Ke Arah Mahasiswa Berdikari', tema ini bersesuaian dengan hasrat negara untuk membentuk masyarakat berdikari dan dengan itu para pelajar perlu mengubah corak yang terlalu mengharapkan bantuan, tajaan dan seumpamanya kepada berdikari dengan menggunakan sumber ilmu yang ada dan berusaha menjadi anggota masyarakat yang berjaya.

## Objektif Minggu Kerjaya:

- Memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang maklumat kerjaya sama ada di sektor awam, sektor swasta maupun bekerja sendiri.
- Memberikan peluang kepada mahasiswa dan mahasiswa menjalani ujian personaliti dan kerjaya, yang mana selari dengan kursus atau program yang diikuti.
- Mengundang bakal-bakal majikan dari sektor swasta, agensi kerajaan dan firma-firma ke kampus untuk memberi gambaran dan penjelasan berhubung dengan fungsi dan maklumat agensi berkenaan.
- Memberikan peluang kepada bakal graduan untuk mengetahui tentang persediaan yang diperlukan sebelum memasuki dunia pekerjaan.

Minggu Kerjaya ini juga dijayakan oleh Jaya Jusco sebagai penaja utama, Sapura Holding, Malaysian National Insurance, Nirmala Sari, Mujahid Enterprise, Kelab Usahawan UPM dan beberapa agensi kerajaan.



# NAIB CANSELOR RASMI HARI PETANI 91

Muhammad Zawawi bin Yusof

HARI Petani 91 yang dikendalikan oleh pelajar tahun akhir Diploma Pertanian dan Diploma Pengajian Pembangunan Manusia dengan kerjasama pensyarah dan pegawai Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjut telah diadakan di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) Serdang pada Mac 1991 lalu.

Lebih 1,000 orang telah menghadiri Hari Petani 91 yang bertemakan "Anak benih berkualiti menjamin produktiviti tanaman buah-buahan", yang dirasmikan oleh Naib Canselor UPM Prof. Tan Sri Dato' Dr. Nayan b. Ariffin.

Tema tersebut dipilih memandangkan lebih dari separuh daripada kawasan pengembangan UPM mempunyai dusun buah-buahan sebagai

contoh di daerah Seremban sahaja sejumlah 2,690 ekar ditanam dengan pokok buah-buahan manakala daerah Kuala Langat pula seluas 423 ekar.

Hari Petani merupakan suatu program tradisi yang dijalankan oleh siswa dan sisi dari program Diploma Pertanian serta Diploma Pengajian Pembangunan Manusia.

Hari Petani juga merupakan hari untuk merayakan petani dari kawasan pengembangan, petani dari pelbagai kampung dapat berkumpul, berbincang, bertukar pendapat, berkenalan dan beramah mesra serta menyelesaikan masalah bersama dengan pakar-pakar dari universiti ini.

Menurut pelajar tahun akhir Diploma Per-

tanian. Saudara Zulhazman Hamzah, Hari Petani yang diadakan tahun ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai terutamanya dari para petani.

Menurut beliau lagi, tujuan Hari Petani adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara para petani dengan universiti di samping mengetengahkan UPM sebagai institut pengembangan yang mengambil berat tentang masalah dan pembangunan pertanian.

Melalui program ini para pelajar yang mengendalikannya dapat dihadiahkan kepada pengalaman berorganisasi supaya para pelajar dapat merancang, melaksana dan menilai sesuatu program, tambah beliau lagi.



## TV HADIAH PUZZLE

HUSAIN MOHAMED

PERTANDINGAN Jigsaw Puzzle antara blok sempena hari kolej KK2 berjaya dimenangi oleh blok Rajawali setelah dapat menyiapkan Jigsaw Puzzle mendahului blok-blok lain.

Pemenang pertandingan tersebut mendapat sebuah TV warna sebagai hadiah pusingan.

Kelihatan beberapa orang penghuni blok teknik menyiapkan Jigsaw Puzzle blok masing-masing, (Gambar sebelah),

berbakti kepada masyarakat, para peserta juga berpeluang mengenal dengan lebih dekat lagi Ladang Puchong (UPM) ini dan seterusnya berinteraksi dengan beberapa pegawai di pejabat tersebut termasuk pengarhanya.

Peringkat akhir pengembaraan ini adalah dari Pejabat Ladang Puchong ini balik ke Kem Rimba UPM melalui lebuh raya dan bermula pada pukul 1.00 tengah hari.

Peringkat ini adalah paling mencabar kedua-dua aspek fizikal dan mental, peserta yang dalam keletihan dan keadaan fizikal yang le-

mah diuji dengan bahan panas tengah hari lebih-lebih lagi di lebuh raya yang kosong dan tiada pohon rendang meneduh di tepian. Berbekalkan semangat dan keyakinan berserta kecekalan hati untuk berjaya akhirnya semua selamat tiba ke destinasi.

Pengembaran ini cukup mengajar para peserta akan erti keyakinan, kesungguhan, kerjasama dan lain-lain nilai baik di samping pentingnya nilai-nilai murni seperti suka berkhidmat kepada masyarakat yang harus wujud di hati setiap manusia dan mahasiswa khususnya dan perlunya toleransi dan kesefahaman dalam mencapai matlamat bersama.

# BUDAYA

## Permainan Congkak (Jongkak)

HASANI HASSAN & AHMAD JUSOH

**CONGKAK** (atau juga jongkak) merupakan salah satu daripada permainan rakyat di Malaysia terutama di negeri-negeri bahagian Utara dan Timur Semenanjung. Ia turut dikenali di bahagian lain kepulauan Melayu ini serta di Afrika. Ada berbagai cara dan peraturan yang diamalkan oleh peminat-peminatnya bergantung kepada pengaruh penerimaan di zaman awalnya.

Permainan ini mempunyai beberapa pusingan untuk menentukan pemenangnya. Seseorang pemain akan cuba untuk mendapatkan semua buah lawannya untuk menang. Pada asasnya bermain congkak ialah dengan mengambil buah dari satu lubang dan menyusunnya satu persatu di dalam lubang lain mengikut aturan yang telah ditetapkan terlebih dahulu oleh pemainnya.

Dalam satu-satu masa, 2 orang pemain sahaja boleh bermain. Permainan ini biasanya dimainkan pada kayu yang dibentuk khas dengan ukiran cantik dengan lubang-lubang sebanyak 14 lubang (biasanya) dan juga 2 lubang rumah atau ibu. Lubang rumah atau ibu ini lebih besar dari lubang-lubang lain dan digunakan untuk menyimpan buah-buah yang telah dimenangi.

Jika permainan melibatkan 14 lubang, setiap lubang diisikan sebanyak 7 buah selubang. Buah biasanya adalah biji getah, biji saga, guliguli kaca, siput kauri atau sebagainya. Cawan-cawan atau mangkuk-mangkuk boleh juga digunakan jika tidak ada kayu congkak.

Jika permainan melibatkan 14 lubang, setiap lubang diisikan sebanyak 7 buah selubang. Buah biasanya adalah biji getah, biji saga, guliguli kaca, siput kauri atau sebagainya. Cawan-cawan atau mangkuk-mangkuk boleh juga digunakan jika tidak ada kayu congkak.

Di kawasan kampung di Pantai Timur Semenanjung, kanak-kanak bermain congkak dengan membuat lubang-lubang di atas tanah sebesar genggam tangan dan memainkannya dengan menggunakan biji getah, anak batu atau buah-buah keras yang dijumpai di tepi hutan. Dan jika di perkampungan nelayan, kulit-siput digunakan.

Di dalam permainan congkak ini, pemain

akan duduk berhadapan antara satu sama lain (seorang di kanan dan seorang di kiri). Sebelum perlawaan bermula, semua lubang diisi dengan buah. Dalam peringkat pertama, kedua-dua pemain bermain serentak. Setiapnya akan memilih mana-mana lubang dan membawa kesemua buah di dalam lubang tersebut.

Dan sekiranya buah terakhir itu jatuh ke dalam lubang kosong di dalam kampung lawannya, pemain itu 'mati' tanpa berhak mendapat apa-apa habuan tidak kira sama ada lubang bertentangan ada buah atau tidak.

Hanya di peringkat pertama sahaja pemain bermula serentak. Jika seorang pemain telah 'mati' di peringkat pertama dia akan berehat dan menunggu lawannya untuk 'mati'. Setelah lawannya 'mati', dia pula akan bermain sehingga 'mati'. Permainan ini diteruskan berganti-ganti sehingga semua buah dimasukkan ke dalam rumah atau ibu.

Pemain yang membuat jalan yang terakhir akan memulakan permainan peringkat kedua dan setelah dia mati, permainan adalah berganti-ganti seperti biasa. Sebelum permainan dimulakan, lubang-lubang diisikan, buah-buah yang dimenangi diisikan ke dalam kampung sendiri sahaja. Jika seseorang pemain telah memenangi lebih buah dari lawannya, sepastinya lawannya itu akan tidak cukup buah untuk melengkapkan lubangnya. Di dalam kes ini, permainan diteruskan juga dengan bilangan lubang yang lengkap buahnya sahaja. Buah yang tidak dapat diisikan ke dalam lubang disimpan di dalam rumah.

Tetapi jika buah itu jatuh ke dalam lubang kosong di kampung sendiri, pemain boleh mengaut semua buah dalam lubang bertentangan dari kampung lawannya. Buah akhir tadi juga adalah menjadi milik pemain itu. Pemain itu sekarang 'mati' dan berehat sehingga tiba gilirannya semula.

Bila permainan diteruskan, pemain tidak perlu memasukkan apa-apa buah ke dalam lu-

bang yang kosong tadi. Lubang-lubang kosong akibat tidak cukup buah ini dinamakan 'lubang terbakar'. Di sesetengah tempat, peraturannya mengatakan jika pemain termasukkan buah ke dalam lubang terbakar ini, pihak lawan boleh merampas buah tersebut.

Permainan ini dijalankan hingga ke beberapa peringkat mengikut peraturan pemain di mana pemenang adalah yang mempunyai paling banyak buah bila tamat peringkat yang terakhir. Permainan juga boleh ditamatkan bila salah seorang pemain sudah tidak cukup buah untuk melengkapkan walau satupun lubang sekalipun.


Walau bagaimanapun terdapat berbagai cara lain untuk bermain congkak. Cara yang dijelaskan di atas adalah cara yang biasa dimainkan secara pertandingan dan juga ianya mudah sahaja. Penulis sendiri pernah bermain beberapa jenis cara permainan congkak ini termasuklah yang dikenali dengan nama 'Congkak Siam'. Cara ini lebih mudah dan senang untuk mengaut buah. Cara ini sesuai dimainkan sebagai hiburan kerana ia menyeronokkan. Pada zaman sekarang, mudah-mudah telah berani untuk mencipta dan mencuba cara-cara baru untuk bermain.

Permainan ini biasanya dimainkan oleh kanak-kanak, muda-mudi hingga kepada golongan tua. Ianya diwarsi dari generasi ke generasi. Mereka bermain congkak bersama-sama keluarga atau rakan taulan dan biasanya di anjung rumah atau di pondok tepi sawah atau pantai.

Permainan ini dapat mengisi masa lapang mereka di samping dapat mengeratkan lagi perhubungan kekeluargaan dan persaudaraan sesama sendiri. Congkak juga merupakan riadah harian mereka.

Sumber:

Unit Kebudayaan HEP,  
UPM.



## MALAM KEBUDAYAAN KK4

MUHAMMAD ZAWAWI YUSOF

LEBIH seribu warga kampus menonton Malam Kebudayaan Hari Kolej 1991 Kolej Kediaman Keempat (KK4), yang diadakan di gelanggang sepak takraw depan blok Mahsuri KK4 pada 3 Mac 1991 lalu.

Malam Kebudayaan KK4 diadakan untuk mencungkil bakat-bakat terpendam pelajar KK4 di samping untuk menghidupkan kembali kebudayaan bangsa yang berbentuk tarian sumazau, tarian India, caklepong dan tarian Portugis.

Malam Kebudayaan yang memakan masa selama dua jam setengah tersebut juga diselitkan dengan persembahan teater dari pelajar KK4 yang bertajuk 'Pema-

dapat melahirkan rasa cinta pelajar terhadap kebudayaan warisan bangsa yang telah diperlakukan sejak dahulu lagi.

Pada malam tersebut penonton telah dipukaukan dengan berbagai persembahan kebudayaan seperti tarian sumazau, tarian India, caklepong dan tarian Portugis.

Malam Kebudayaan yang memakan masa selama dua jam setengah tersebut juga diselitkan dengan persembahan teater dari pelajar KK4 yang bertajuk 'Pema-

kaman Kadok' yang mendapat temuan gemuruh dari penonton.

Persembahan Band KK4 dapat memantapkan lagi Malam Kebudayaan tersebut dengan beberapa buah lagu rock yang dapat memikat hati penonton dan ada juga penonton yang turut menyanyi bersama malahan ada yang turut menari.

KK4 juga menjemput penyanyi lagu tradisional Aripin Said dan kumpulan Permata UPM untuk menyerikan lagi malam kebudayaan tersebut.

## AHMAD FADHLI JUARA LAGU ASLI KK2



*Tarian Ulek Mayang dipersembahkan oleh penari Sekretariat Kebudayaan KK2 pada malam persembahan.*

KIRA-KIRA seribu warga kampus hijau menyaksikan Pertandingan Nyanyian Lagu-lagu Melayu Asli yang diadakan di pentas sementara, tempat letak kereta KK2 pada Februari lalu.

Pertandingan Nyanyian Lagu-lagu Melayu Asli diadakan pada malam tradisi sempena perayaan hari kolej KK2 berjaya memperlihatkan yang lagu-lagu Melayu Asli masih diminati ramai terutama warga kampus.

Permainan ini biasanya dimainkan oleh kanak-kanak, muda-mudi hingga kepada golongan tua. Ianya diwarsi dari generasi ke generasi. Mereka bermain congkak bersama-sama keluarga atau rakan taulan dan biasanya di anjung rumah atau di pondok tepi sawah atau pantai.

Permainan ini dapat mengisi masa lapang mereka di samping dapat mengeratkan lagi perhubungan kekeluargaan dan persaudaraan sesama sendiri. Congkak juga merupakan riadah harian mereka.

Menurut Pengetua KK2, Encik Mahfooz Haji Harun setakat ini kelab komputer KK2 memiliki tiga buah komputer berserta printer dan akan ditambah pada

menjadi johan dengan lagu 'Bunga Melur' dan Lancang Kuning mengalahkan enam peserta lain.

Sementara itu, peserta dari KK5, Florence Philip di tempat kedua dan Mat Jidin Ahmad dari KK2 di tempat ketiga.

Tiga hakim yang mengadili pertandingan itu diketuai oleh Encik Amirullah Ismail PPN, Encik Mohd. Shah Natab dan Puan Maznah Ali.

Bersempena malam tradisi, acara pertandingan diserikan juga de-

ngan persembahan tarian ulek mayang, tarian bagra oleh pelajar India dan koir oleh pelajar Cina.

Persembahan dikir barat dengan tukang karut Azmin Yusoff dan Amran Yusof juga berjaya menarik perhatian ramai.

Menyaksikan persembahan dan pertandingan tersebut, ramai penonton tidak berganjak dari tempat duduk sehingga persembahan selesai, malahan ada yang terikut-ikut ketika peserta menyampaikan lagu nyanyian mereka.

## KK-2 TUBUH KELAB KOMPUTER AHMAD JUSOH

KOLEJ Kediaman Kedua (KK2), UPM telah menubuhkan kelab komputer pada akhir tahun lalu untuk kemudahan dan memberi khidmat kepada pelajar dari masa ke semasa.

Katanya sambutan daripada pelajar untuk menjadi ahli sangat menggalakkan tetapi pihaknya terpaksa menghadkan keahlian memandangkan kemudahan yang tidak mencukupi.

Kelab komputer ini akan memberi kerjasama sepenuhnya di samping memberi khidmat nasihat dan bimbingan

kepada ahli.

Presiden kelab komputer, Abd. Malik R.M. Hassan berkata komputer yang ada juga boleh digunakan oleh pelajar tahun akhir untuk membuat kerja-kerja kursus.

Selain itu kelab juga memberi peluang kepada pelajar yang tidak mempunyai asas komputer untuk mempelajarinya.

## BENIH TANAMAN UPM

MUNGKIN ramai di kalangan pelajar Universiti Pertanian Malaysia (UPM), tidak menyedari bahawa anak-anak benih yang terdapat di ladang UPM boleh dibeli.

Sebenarnya anak-anak benih yang disemai di bahagian Agrikultur boleh dibeli oleh pelajar secara individu ataupun melalui persatuan, kelab, malahan orang awam juga boleh berbuat demikian.

Encik Hasni Sabu, bahagian Unit Tanaman Hiasan dan Anak Benih, menyatakan bahawa anak-anak benih tersebut boleh dibeli pada bila-bila masa waktu bekerja.

Masa jualan bermula pada jam 8.30 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari untuk hari Isnin hingga Jumaat, manakala hari Sabtu bermula setiap tahun. Selepas itu barulah anak-anak benih boleh dibeli di pusat ini seperti biasa.

Anak-anak benih

yang terdapat di sini ialah buah-buahan dan pokok-pokok hiasan termasuk orkid. Harga jualan bagi anak-anak benih tersebut sama sepetimana yang dijual pada hari pesta konvo.

Untuk pengetahuan umum, penjualan diberhentikan buat sementara waktu mulai 30 April sehingga habis hari konvo setiap tahun. Selepas itu barulah anak-anak benih boleh dibeli di pusat ini seperti biasa.

## FOUR OBS MEMBERS TO GO TO LUMUT

SALMIAH MOHD. GHAZALI

FOUR members of the UPM Outward Bounders Club were selected to go for a training course in Outward Bound School at Lumut, Perak during the semester December holidays.

The four lucky members are Kamarul Huda bin Mokhtar, Siti Zarina Yusoff, Nik Mohd. Nazaruddeen Nik Mohd. Nawi and Renuka Devi a/p S. Pathmasundaram.

Their names were announced by Prof. Madya Dr. Idris Abdol, the honorary guest and the

representative of the Deputy Vice Chancellor of Students Affairs in a high dinner held at Restoran UPM on March 5, 1991.

They were chosen from eighteen participants of A002 course, beginning October 17, 1990 to December 30, 1990.


This course involves IQ tests, obstacle course, solo camping, first-aid treatment and basic skills of the Outward Bounders.

One of the selected members, Siti Zarina

Yusoff said that she is very happy with the selection made and promise to give her full cooperation and dedication in carrying the good names of the university.

In the last 1988/1989 session, four members from UPM Outward Bounders Club including one from UPM campus in Bintulu were sent to Lumut.

The Outward Bound School at Lumut is well known as a camp for leadership spirit development for students.



Hj. Yaakub Ibrahim

## MINGGU PERAYAAN KOLEJ KEENAM

JULIAH FADIR & ROHAIDAH OMAR

KE ARAH Melahirkan Mahasiswa Yang Progresif Dan Berdiri' telah dipilih sebagai tema bagi Minggu Perayaan Kolej Kediaman Keenam yang berlangsung hampir seminggu pada Februari yang lalu.

Acara

Torchton dijalankan yang mana seramai 110 orang peserta termasuk seorang peserta wanita telah mengambil bahagian. Pelepasan para peserta dilakukan oleh Timbalan Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Sulaiman Hj. Mohd. Yassin lebih kurang jam 9 malam.

Selain daripada itu, seramai 40 orang pelajar dari Sekolah Menengah Datuk Mohd. Said, Nilai, Negeri Sembilan telah dipilih untuk menyertai Projek Adik Angkat KK6-SMDMS, anjuran Sekretariat Projek sempena minggu

perayaan kolej. Mereka telah mengikuti pelbagai aktiviti yang disediakan seperti pertandingan pidato antara sekolah menengah, melawat sekitar UPM dan ceramah kaunseling mengenai peluang dan bidang pengajian di UPM.

Terdapat juga aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan termasuklah Malam Refleksi Budaya, Orienteering, bacaan surah lazim peringkat tadika, pertandingan melukis dan sukaneka. Malam Refleksi Budaya merupakan program yang paling mendapat sambutan dengan persembahan-persembahan menarik dan menghiburkan seperti koir, lakonan, tarian dan nyanyian.

Sukaneka merupakan

acara kemuncak di mana kesemua Ahli Jawatankuasa yang terlibat dengan Minggu Perayaan telah menyertainya. Berbagai-bagai permainan telah dipertandingkan dan tiga kumpulan teratas berjaya merebut hadiah berupa 'hamper'.

Pengetua KK6, Tuan Hj. Yaakob Ibrahim ketika berucap pada malam penutup mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang telah bertungkus-lulus menjayakan minggu perayaan dan segala sumbangan yang telah diberikan sehingga perayaan kali ini dapat dijalankan dengan lancar dan sempurna.

## HARI KELUARGA KOLEJ KEDIAMAN KETIGA DISAMBUT MERIAH

**BASIR IBRAHIM**

HARI Keluarga KK3 yang bertemakan 'Kata Sepakat, Kasih Diikat, Persaudaraan Dierat' yang dirasmikan oleh Pengetuannya Prof. Madya Dr. Haji Idris Abdol disambut penuh meriah dengan semangat kekeluargaan.

Pengerusi Ahli Jawatankuasa Hari keluarga, Saudara Nazmi Mohd. Nasir berkata antara objektif Hari Keluarga ini ialah untuk mengukuhkan perasaan bangga dan cintakan KK3, menguatkan semangat kekitaan serta menjalin kemesraan di antara penghuni dengan pihak pengurusan.

Sempena Hari keluarga itu, pelbagai acara seperti pertandingan, persembahan kesenian dan nyanyian serta makan malam keluarga.

Antara pertandingan yang mendapat sambutan yang menggalakkan ialah tarik tali yang dipertandingkan mengikut tingkat, tunggang motor lambat, 'arm wrestling',

syagudu-gudu iaitu sejenis permainan yang dipopularkan oleh masyarakat India, menyumpit, sepak raga bulatan, anyaman ketupat dan dat.

Pertandingan tarik tali dimenangi oleh pasukan 'Amfibian' (tingkat dua Mawar) dan naib johan disandang oleh 'Flamingo The Great', (tingkat tiga Kenanga) sementara pertandingan 'arm wrestling' telah dimenangi oleh Kamaruddin bin Ismail atau lebih dikenali dengan panggilan 'Mamak' manakala naib johan dimenangi oleh Mohd. Sohairy Jaali atau nama samarinya 'Lobo The Power'.

Salah seorang penghuni KK3 yang ditemui Helmi Abdul Halim berkata, "Acara Hari Keluarga tahun ini agak meriah jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya kerana mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penghuni kolej dan acara-acara yang dipertandingan

utamanya acara tarik tandas juga merupakan acara-acara yang menyeronokkan terli dan arm wrestling."

Di samping acara yang dipertandingkan itu, persembahan kesenian dan nyanyian oleh pelajar-pelajar KK3 yang berkabut juga telah mendapat sambutan di luar dugaan yang turut disaksikan oleh pelajar-pelajar dari kolej lain.

Persembahan yang menggabungkan konsep kesenian tradisional dan moden itu telah dipenuhi dengan tarian-tarian dari pelbagai kaum dan nyanyian lagu lama dan baru.

Sementara itu, Pengetua KK3, Prof. Madya Dr. Haji Idris Abdol dalam ucapan semasa majlis makan malam keluarga, menyeru penghuni agar menanamkan semangat kekeluargaan, perpaduan dan seterusnya dapat membangunkan kolej agar KK3 tetap unggul.



Pelajar sekolah turut serta dalam pameran.

## PAMERAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN

**M·ROSLAN ISMAIL**

PENGGUNAAN alat bantu mengajar yang sesuai dan menarik dalam pengajaran dan pembelajaran berupaya menimbulkan rancangan serta keinginan pelajar untuk mengetahui lebih mendalam tentang mata pelajaran yang dipelajari.

Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) Universiti Pertanian Malaysia, Prof. Madya Mohd. Shah Haji Lasim berkata, setiap alat

bantu mengajar harus mempunyai daya komunikatif yang dapat merangsang pelajar untuk terus belajar.

Beliau berkata demikian di pameran Teknologi Pendidikan UPM anjuran pelajar kursus PG 360, baru-baru ini.

Turut hadir sama ialah penyelarasnya, Dr. Naim Haji Ahmad dan Penolong Pengarah Radio Pendidikan, Encik Asaari Mat Nor.

Katanya, pelajar yang

akan bertugas sebagai guru selepas tamat pengajaran sudah seharusnya menggunakan pengetahuan dan pengalaman yang dipelajari semoga pembelajaran akan lebih berkesan.

Pihaknya akan berusaha untuk menambah pelbagai kemudahan yang diperlukan bagi membantu pelajarnya cekap dan mahir dalam penggunaan alat bantu mengajar.

Pengerusi Jawatan-



# medan Jiwisi

## HARUM BAUMU KURIKULUM BARU

### HARI-HARI DI P.D.

Semalam,  
pasiran putih, suara ombak kedengaran  
memecah keheningan dan kesepian

Hari ini,  
kedatangan kami  
membawa suatu kepastian, keriuhan.... suatu  
debaran

Saat itu,  
aku, kau diarah berfikir  
fikirkan tentang apa saja  
Yang tersembunyi di alam nyata  
Yang nyata di depan mata

Kekadang  
Teringat juga ayah bonda  
test, asingnment melambak depan mata  
Entah! mana arah masa depan tercipta

P.D,  
sumber inspirasi bermula  
keakraban terbina, bakat terserlah

Semoga akhbar mahasiswa berjaya  
dan terus berjaya.

**SAPURA SUHAIMI**  
**BAC. SC. (KEP)**

**PAK CIK YAMIN**

Pak Cik Yamin....  
Engkau hadir dalam hidupku  
Bagai bulan menerangi malam  
Membantu liku hidup ini  
Melupakan kegelisahanku  
Memahami duniku  
Engkau membawa tawa di kala derita  
Membawa erti persaudaraan, persahabatan  
dan kemanusiaan.

Tapi sayang....  
Engkau hanya sementara  
Engkau pergi juar ahirnya.

**RAHA RAUS**  
**BAC. SC. BIOTEKNOLOGI**

**Siapaku?**

**AKU WUJUD DI KAMPUS ATAU DI MANA-MANA**  
**MEMENIFESTASI POTENSI,**  
**YANG BERUPAYA MENGGEGARKAN KAMPUS,**

**MALAHAN MAMPU MENGONGCANG MALAYSIA,**

**AKU WUJUD BERSENDIRIAN,**

**MOTIVASI TERCIPTA BUKAN MENCINTA,**  
**DATANG DARI BISIKAN SENI,**  
**TERJELMA DARI SUARA ENTAH DARI MANA,**

**ENTAH DI MANA,**  
**APAKAH AKU NABI?**  
**ATAU AKU RASUL?**  
**ATAU AKU ULAMA?**  
**ATAU AKU ROH?**

**SIAPAKAH AKU?**  
**YANG PASTI AKU WUJUD,**  
**WUJUD DI MANA-MANA**  
**TIDAK BERJISIM, TIDAK BERJIRIM.**

..... **TAMAT** .....

**Bakhari Ariff**  
**Mat. Sains**

Enam puluhan indah hidupku  
Prinsip pengetahuan dasar kurikulumku  
Tidak kuhiraukan kemahiran dan tingkahlaku  
Walaupun kurikulumku dulu tidak bersepada

Tujuh puluhan membawa pendedahan baru  
Hasil si anu sebelum ini terbeku  
Ramai menerima membisu kaku  
Sukar bersuara, pendapat tak jitu

Tahun berlalu, bersalin penghulu  
Kurikulum baru bekalan si anu  
Ramai merayu jangan terburu-buru  
Khuitir yang keluar musang berbulu

Beradu nasib murid dan guru  
Suasana sekolah kini berbiku-biku  
Siapa yang menang siapa pula diburu  
Ke sudut manakah nak dituju

Dadah, merokok dan disiplin hidangan lagu  
Malu kutanya perananmu guru  
Lakonan cerita khabaran baru  
Esok namamu pula di berita minggu

Sabarlah wahai saudaraku  
Mengapa terburu-buru hidanganmu itu  
Berpaikan baru bukan jawapanku  
Bersepada bukan lamarku


Membentuk insan junjungan kalbu  
Kalung dihiasi kalimah syahdu  
kan kudidik bertaakul kuseru  
Dilindungi tabir ilmu yang padu

Andainya kukecwa pilu  
Nawauti saudaraku diberi restu  
Pesanan terakhir kata-kataku  
Perkuuhkanlah ilmu yang mana satu

**Sheikh Kamaruddin**  
**FPP/UPJ/UPM**  
**18.3.87**

Leaning against the dim-cornelian wall  
with eyes like cormorant at sea  
she feels young and fresh,  
like the green, green leaves around  
She sits on the old wicker chair,  
deaf to the cracking sound  
but aware of the white cloud in procession  
in the soft sky  
Death creeps on her pale little face,  
on her hidden little feet  
where shown the trace of youth  
that has long gone  
and won't hang around her no more  
She used to say "See you around"  
to everybody and me. But we don't  
really know what she means,  
Others will say, "Oh, sure!" mockingly  
and me, I just look at her with pity.

— Wan Aida Wan Hassan —



## PROJEK HOME COMING

MENURUT keluaran Akhbar Mahasiswa yang ke-4, semua lepasan Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Kolej Pertanian Malaysia (KPM) dan Sekolah Pertanian (SP) telah dijemput menghadiri aktiviti-aktiviti yang diadakan dalam hari 'HOME COMING'.

Aktiviti ini bertujuan untuk merapatkan tali silaturahim antara lepasan graduat dan mengembalikan mereka ke tempat pengajian yang telah banyak memberi jasa kepada mereka untuk faedah bersama.

Ia ditunda kepada hari ke-4 Pesta Konvoikesyen ke-15 iaitu 17 Ogos 1991 yang akan datang.

Berikut antara aktiviti-aktiviti yang diadakan secara terperinci:

MASA	AKTIVITI	TEMPAT
8.30 pagi	CAMPUSTHON Larian sekeliling UPM mengikut peringkat umur. Tempat Pertama, Kedua dan Ketiga akan diberi hadiah.	Bukit Ekspo
4.00 petang	JAMUAN MINUM PETANG Perjumpaan mengikut program: 1) Di bawah F. Pertanian 2) Di bawah F. Perhutanan 3) Di bawah F. Perikanan 4) Di bawah F. Veterinar 5) Di bawah F. Penguruan Pendidikan 6) Di bawah F. Ekonomi dan Pengurusan 7) Di bawah F. Sains Makalan dan Bioteknologi 8) Di bawah F. Kejuruteraan 9) Di bawah F. Sains dan Pengajaran Alam Sekitar ** Tempat jamuan bagi beberapa fakulti tertakluk kepada perubahan.	Dewan Kuliah Pertanian Dewan Kuliah Perhutanan Dewan Kuliah Perikanan Dewan Kuliah Veterinar Foyer Jabatan Pendidikan Jasmani Dewan Kuliah Ekonomi Sumber Dewan Kuliah Teknologi Makalan Dewan Kuliah Kejuruteraan Dewan Kuliah Sains
4.00 petang	MAJLIS RAMAH MESRA antara siswazah lepasan UPM, KPM dan SP dengan pemimpin pelajar UPM kini. Lepasan siswazah yang berjaya dan menonjol di dalam masyarakat dijemput khas oleh KAM untuk berbincang dan menceritakan pengalaman hidup mereka.	Panggung Percubaan
8.00 malam	MAJLIS MAKAN MALAM Aturcara Majlis: 8.00 : Ketibaan lepasan graduat UPM, KPM dan SP. 8.15 : Ketibaan VIP 8.30 : Ketibaan Penaung Projek Home Coming. 8.45 : Ucapan Pengerusi Majlis dan bacaan doa — Majlis Makan Malam — Ucapan Pengerusi Kelab Akhbar Mahasiswa — Ucapan Pengarah Projek Home Coming — Ucapan Penaung Projek Home Coming — Majlis Ramah Mesra — Penyampaian cenderamata 11.45 : Majlis Bersurai	Salah satu hotel terkemuka

Kehadiran siswazah lepasan UPM, KPM dan SP adalah dialu-alukan menghadiri hari "Home Coming" ini. Kepada yang berminat, sila hubungi:

**Kelab Akhbar Mahasiswa**  
d/a Bahagian Hal-Ehwal Pelajar

Tel: 9486101 sambungan 1018

\*\*\*\*\*
 \* Kepada :  
\* Kelab Akhbar Mahasiswa  
\* d/a Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
\* Universiti Pertanian Malaysia  
\* 43400 UPM SERDANG

Perhatian : Raha Ahmad Raus

### HOME COMING

Saya seperti nama dan alamat di bawah ingin mendapatkan keterangan lanjut mengenai Home Coming.

Nama : .....

Alamat: .....

Tandatangan : .....

Tarikh : .....

## HINEX CAMP II

Oleh

Muhammad Zawawi Yusof

Hasani Hassan

Husain Osman

JURUGAMBAR — M. ROSLAN ISMAIL

**PERKHEMAHAN** dan Pengembaran Pengakap Siswa Pusat-pusat Pengajian Tinggi Malaysia Kedua (Hinex Camp II), telah diadakan di tapak perkhemahan Bukit Eksopo, Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Dato' Hj. Mohd. Isa Hj. Abdul Samad, telah merasmikan Hinex Camp II yang dianjurkan oleh Pertubuhan Pengakap Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia UPM dengan kerjasama Bahagian Hal-Ehwal Pelajar UPM.

Hinex Camp II yang bertemakan "Pengakap Siswa Peneroka Perubahan", disertai oleh empat buah pusat pengajian tinggi iaitu Universiti Pertanian Malaysia (22 orang), Universiti Sains Malaysia (21), Universiti Utara Malaysia (11) dan Maktab Perguruan Sungai Pinang, Pulau Pinang (22).

Di antara aktiviti yang dijalankan seperti perkhemahan, pengembaran, obstacle course, abseiling, rock climbing dan canoeing, aktiviti-aktiviti tersebut dijalani-

diperolehi melalui buku dan hanya diperolehi melalui pergaular dalam kumpulan.

Beliau mahu pengakap mempelbagaikan kegiatan yang menarik untuk menghidupkan lagi alam dan kegiatan pengakap di negara kita supaya ia akan mendapat sambutan.

Beliau juga mahu kegiatan seperti ini diteruskan kerana ia akan memberi manfaat kepada pelajar untuk menjadi kumpulan pelajar dan pemimpin di masa depan yang lebih praktikal dan faham akan masalah orang lain dari menjadi pemimpin yang terlalu ideal.

Turut hadir di perkhemahan itu ialah TNC (HEP) UPM, Prof. Dr. Sulaiman Hj. Mohd. Yassin dan Penasihat Pengakap UPM, Prof. Madya Taha Abdul Kadir.



diperolehi melalui buku dan hanya diperolehi melalui pergaular dalam kumpulan.

Beliau mahu pengakap mempelbagaikan kegiatan yang menarik untuk menghidupkan lagi alam dan kegiatan pengakap di negara kita supaya ia akan mendapat sambutan.

Beliau juga mahu kegiatan seperti ini diteruskan kerana ia akan memberi manfaat kepada pelajar untuk menjadi kumpulan pelajar dan pemimpin di masa depan yang lebih praktikal dan faham akan masalah orang lain dari menjadi pemimpin yang terlalu ideal.

Turut hadir di perkhemahan itu ialah TNC (HEP) UPM, Prof. Dr. Sulaiman Hj. Mohd. Yassin dan Penasihat Pengakap UPM, Prof. Madya Taha Abdul Kadir.

Kumpulan-kumpulan ini telah bergerak dengan bantuan Pasukan



Halangan.... Halangan.... Halangan.... Yang dihadapi oleh mahasiswa

## MENCABAR

MAMPUKAH anda melakukan seperti apa yang telah dilakukan oleh dua siswi dalam gambar di atas.

Inilah antara aktiviti yang dijalankan semasa Projek Hinex Camp II yang diadakan di Bukit Eksopo pada cuti semester lalu.

Dua siswi antara yang berjaya melakukan aktiviti abseiling serta mampu menyaingi kebolehan orang lelaki khasnya pengakap siswa.

Menurut seorang anggota pasukan HANDAU yang turut mem-

bantu projek Hinex Camp ini, 712505 Jamalludin Sulaiman dari stesen TUDM Sungai Besi, latihan kemahiran seperti ini perlu kepada pengakap kerana kebolehan melakukan abseiling perlu semasa operasi menyelamat dijalankan terutama kawasan yang sukar seperti kawasan bukit.

Pada masa yang sama juga peserta Hinex Camp didedahkan kepada aktiviti kemahiran menggunakan canoe iaitu cara-cara mengawal kayak serta langkah-



Menduga keberanian peserta

## PENGEMBARAAN

**BERJALAN** kaki dan menjelajahi ke tempat baru setiap hari adalah pengembalaan yang menjadikan kita kuat dan tegap dan tidak lagi bimbang akan angin dan hujan, panas dan sejuk, segala rintangan mampu dihadapi dengan tersenyum dan keyakinan akhirnya akan wujud di dalam diri untuk berjaya.

Inilah yang cuba diserapkan melalui aktiviti pengembalaan yang diadakan pada cuti pertengahan semester yang lalu sebagai salah satu aktiviti induk Perkhemanan Antara Pusat-pusat Pengajian Tinggi atau Hinex Camp II di Bukit Eksopo, UPM.

Wakil Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia dari Universiti Utara Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Maktab Perguruan Sri Pinang (Pulau Pinang) dan Universiti Pertanian Malaysia sendiri telah menyertai pengembalaan yang sungguh mencabar ini.

Pengembalaan ini terdiri daripada 3 peringkat. Pada peringkat pertama, kumpulan ini telah bertolak dari tapak perkhemahan di Bukit Eksopo pada 10.30 pagi 27 Januari, berjalan kaki ke Kem Rimba UPM di Hutan Simpan Air Hitam, Puchong, Selangor.

Kumpulan-kumpulan ini telah bergerak dengan bantuan Pasukan

Gerak Khas Tentera Udara Diraja Malaysia — Handau, ujian pertama ditempuhi bila peta latar yang diberi mengelirukan tambahan pula peserta tidak biasa dengan jalan-jalan di kawasan sekitar UPM.

Pasukan UPM yang sememangnya arif dengan jalan dan lorong di perjalanan dari awal lagi telah mengambil jalan pintas dan berjaya mencatat masa yang paling minimum dan meninggalkan pasukan lain di belakang.

Dari pada panas bahang di jalan raya, perjalanan ini beralih kepada lautan hutan yang mendinginkan mata bila pengembalaan diteruskan ke tapak perkhemahan di paras yang lebih rendah di tengah-tengah hutan simpanan tersebut.

Jika tadi peserta didehdakan kepada ujian mental, perjalanan dari Kem Rimba UPM ini menguji kekuatan fizikal pula di mana mereka bersama-sama mendaki lereng dan menuruni lembah, melalui checkpoint-checkpoint tertentu di perjalanan di samping menguji kemahiran menggunakan kompas mencari maklumat tersembunyi.

Keempat-empat pasukan tiba di tapak perkhemahan lewat petang, menamatkan peringkat pertama pengembalaan dan terus memasang khemah dan mem-

buat persiapan menghadapi malam. Semangat berpasukan teruji bila mana kerjasama diperlukan untuk membersihkan kawasan dan membina khemah.

Pada malamnya unggun api telah dinyalakan dan semua pasukan telah membuat persembahaman masing-masing seperti nyanyian dan lakonan dan aktiviti tersebut berupaya mencungkil bakat-bakat yang sedia ada di dalam diri peserta. Peserta juga sempat bertukar-tukar pendapat dengan pasukan HANDAU tentang kehidupan di hutan, cabaran dan dugaan serta muslihat-muslihat waktu malam di hutan.

Pada hari kedua, pengembalaan diteruskan melalui peringkat kedua di mana para peserta meninggalkan tapak perkhemahan menuju ke Pejabat Ladang Puchong (UPM) melalui denai hutan dan jalan lori balak.

Mereka kemudiannya telah mengadakan khidmat masyarakat dengan membersihkan dan mengindahkan masjid Batu 14 Puchong, kawasan Taman Kancil dan pejabat Ladang tersebut, selaras dengan persetiaan pengakap iaitu menolong orang pada setiap masa.

Selain dapat memupuk nilai-nilai murni



# HUBUNGAN SISWA-SISWI MASA KINI, MENURUT TNC (HEP)

WARTAWAN

KAM, Nor 'Azuwa Mohd. Pahri dan Haidawati Aine telah Mewancarai TNC (HEP) Prof. Dr. Sulaiman Mohd. Yassin yang lebih cenderung kepada hubungan dan pelakuan yang perlu wujud di kalangan mahasiswa.

**KAM:** Pada pendapat Prof., bagaimanakah rupabentuk hubungan yang perlu wujud di antara siswa dan siswi?

**TNC:** Pertamanya, mahasiswa mestilah faham tanggungjawab mereka semasa di kampus kerana mereka adalah golongan yang terpilih. Jadi, untuk mencapai matlamatnya, perlulah mereka memilih cara gaya yang sesuai untuk berhubung dengan rakan atau orang lain. Jika mahasiswa tidak mempunyai pendirian yang baik, dia akan tersalah memilih dan seterusnya tidak dapat menggunakan perhubungan itu bagi menentukan dirinya yang sebenar.

**KAM:** Bagaimana pula, perhubungan antara siswa dan siswi?

**TNC:** Oleh kerana hubungan antara mereka adalah dari jenis yang berlainan, maka terpunglah kepada kemantangan tiap-iap pihak untuk menilai perhubungan mereka.

Dengan syarat, mereka mempunyai daya kawan yang kukuh bagi menghormati hak-hak dan juga lain-lain keunikan daripada perbezaan mereka itu. Maknanya mereka mesti pandai berhubung secara intelligent dan bukan dipengaruhi oleh interfikasi atau dari cetusan perasaan yang tidak baik.

**KAM:** Prof., didapati tidak ramai mahasiswa yang datang berjumpa dengan pensyarah mereka untuk berbincang mengenai pelajaran, dan sebagaimana diketahui untuk meningkatkan prestasi pembelajaran mereka perlu kita temui, bagaimana pendapat Prof?

**TNC:** Mahasiswa kadang-kadang tidak mendapat dorongan yang kuat untuk berjumpa dengan mahasiswa.

Oleh kerana itu, kedua-dua pihak mengasingkan diri dan dengan sebab itu juga sistem Penasihat Akademik tidak dapat dijalankan.

**KAM:** Di setiap kolej, seorang fellow di tempatkan di setiap blok. Pada pandangan Prof., apakah yang patut di-

lakukan oleh fellow terhadap penghuni blok?

**TNC:** Sebagaimana yang diketahui bahawa fellow merupakan orang yang paling rapat dengan mahasiswa di kampus.

Tetapi ada di kalangan mahasiswa dan fellow sendiri tidak faham akan peranan masing-masing.

Di sini ingin saya tekankan peranan utama fellow:

- 1) Fellow haruslah mendampingi pelajar dan menjadi rakan kepada pelajar.
- 2) Membantu pelajar dalam sesuatu perkara.
- 3) Menjadi perantara dan pembantu kepada pengetua bagi mentadbir hal-ehwal ahli kolej kediaman.

**KAM:** Bagaimana pula pandangan Prof. mengenai erhubungan antara pegawai HEP dengan mahasiswa.

**TNC:** Semasa di kampus siswa dan siswi perlu mengetahui tentang ciri-ciri mahasiswa iaitu mengenai cara gaya, perlakuan dan sebagainya. Adalah lebih baik jika seorang siswa dan siswi membuat pemilihan yang baik dan tidak terburu-buru mencari pasangan.

Jadi, kalau siswa dan siswi yang seiringan dengan cara gaya berfikir dan dapat dijadikan pendorong seperti rakan karib maka adalah baik, tetapi sebaik-baiknya ada batasannya.

Ini adalah kerana sebagai mahasiswa, yang pentingnya dia dapat mengawal dirinya. Ini kerana ia juga merupakan sebahagian dari proses untuk dia menjadi matang.

**KAM:** Pada pendapat Prof., sebagai mahasiswa, adakah semasa di universiti ini, mereka perlu menumpukan hanya pada akademik kemudian bercinta atau kedua-duanya sekali pada akademik kemudian bercinta atau kedua-duanya sekali pada masa

**KAM:** Didapati di dalam suatu majlis soal jawab diadakan, pihak siswi begitu malu untuk tampil bersuara. Apakah pendapat Prof. mengenai perkara ini?

**TNC:** Pada pendapat saya, daya dan perlakuan mereka dari segi kebolehan untuk menjawab/menyolal mesti ada hubungan kait dengan masa sebelum berada di kampus.

Jika di sekolah mereka tidak biasa, maka susah untuk mereka membiasakan diri mereka untuk bangun di khalayak ramai kerana mereka tiada asas untuk berbuat demikian.

**KAM:** Pada pendapat Prof., sebagai mahasiswa, adakah semasa di universiti ini, mereka perlu menumpukan hanya pada akademik kemudian bercinta atau kedua-duanya sekali pada masa



**Mahasiswa dan mahasiswi. Ketika di kampus mereka mengukir matlamat masing-masing patutkah mereka bercinta?**

**TNC:** Setiap sesatu proses perhubungan, ia mestilah dimulakan oleh satu pihak dan atas kepada interaksi itu perlulah ada keyakinan dan keikhlasan.

Didapati tiada jalinan yang mesra antara mereka, dengan alasan pegawai HEP tidak melayan mereka semasa berhubung.

Kita perlu tahu bahawa yang mencorak kehidupan di universiti adalah pelajar dan pegawai.

Kalau pandai berinteraksi, hormat-menghormati, maka layanan yang seterusnya akan terjalin dengan baik.

**KAM:** Bagaimanakah perhubungan antara siswa dan siswi dapat meningkatkan prestasi akademik mereka?

Terutamanya siswa, di mana mereka gagal untuk mengawal perasaan dan tidak dapat berhadapan dengan siswi/wanita dengan cara baik dan penuh hormat.

Ini dapat dilihat bila mereka bekerja dan ketua mereka adalah wanita. Jika kita wujudkan suasana dalam keadaan selamat maka kedua-duanya mempunyai haknya yang sama proses perhubungan dan dapat menampilkan kewibawaan di kalangan kedua pihak supaya dapat menghormati antara satunya sama lain.

yang sama.

**TNC:** Ini banyak ber-

gantung kepada situasi,

tetapi yang pentingnya

siswa dan siswi dapat

mengasangkan kedua

ini.

Sungguhpun ia berla-

kpu dalam masa yang

sama.

Kerana bercinta adalah satu episod dalam penghidupan seseorang dalam mengharungi proses pendewasaan.

Perasaan ini pasti akan timbul, kerana ia merupakan suatu kekayaan Tuhan. Jika dia tidak pandai mengasangkan dua ini, dia akan merugikan diri sendiri. Tujuan kita ke sini adalah untuk belajar, janganlah masalah bercinta menjadi punca kemererosotan akademik.

# MAHASISWA: ANTARA KEINGINAN DAN DESAKAN

**Daripada**  
**Jelingan Jebat**

Jika keadaan ini berterusan tanpa bendungan yang sewajarnya, mampukah mahasiswa akan datang lahir sebagai bangsa yang bermaruah. Justeru itu di bahu mahasiswa dihim-punkan seribu harapan agar bangsa Malaysia dekad 90-an mampu menangani permasalahan negara yang semakin kompleks. Persoalan-nya, adakah mahasiswa menyedari hakikat ini?

Setiap semester, kolej-kolej kediaman akan mengadakan Hari Keleluarga. Ketika inilah akan terjelmaung ungkapan-ungkapan yang canggih dan mantap. Namun begitu adakah ungkapan itu mendapat perhatian dari masyarakat kampus sendiri. Janganlah hendaknya kita hanya bermegah dengan ciptaan tema yang pelik-pelik tetapi terungkai selepas sahaja selesai majlis yang diadakan. Tanpa penghayatan dan kesinambungan kesedaran yang berterusan dari mahasiswa sendiri.

Akhir-akhir ini wujud satu budaya 'merpati' yang agak dominan di mana siswa dan siswi berpasangan 'date' sehingga larut malam. Lebih mengharukan lagi sambutan syaitan 'Valentine day' dirayakan oleh pasangan ini tanpa menyedari embun 'menitiskan air matanya'; melihat perlakuan segerintir manusia yang tergelincir imannya. Mereka hanya akan tersedar apabila disergah oleh pegawai-pegawai yang bertugas.

Lebih menghairankan saya, pelajar Islam lebih ramai merayakan hari syaitan ini berbanding dengan kaum lain yang lebih 'layak' melakukannya. Mengapakah ini terjadi? Kemelut di antara keinginan naluri yang menggilai dan kehendak universiti yang mendesak, mahasiswa akhirnya termangu bagi berimpi dan tersentak sedar apabila mendapat 'PERCUBAAN' atau 'AMARAN'. Kealpaan segelintir mahasiswa terhadap tanggungjawab ini dan mengikut kehendak peribadi yang melulu adalah disebabkan kekosongan iman di jiwanya mahasiswa itu.

Pemikiran mahasiswa yang beku dan tumpuk ini terserlah apabila PMI mengadakan demonstrasi Perang Teluk baru-baru ini. Mahasiswa yang menonton demonstrasi ini lebih ramai daripada mereka yang menyertainya. Sedih dan sayu menusuk hati saya apabila mendengar suara-suara 'jalang' yang menyakitkan telinga.

"Ah! Bodoh berdiri tengah panas", "Gorenglah telur kau sendiri!", antara kata-kata yang kedengaran. Ruparupanya masih ada mahasiswa yang buta rasa, kurang visi dan tiada komitmen. Inikah yang dikatakan mahasiswa yang progresif dan dinamik? Inilah mahasiswa yang bakal menjadi teras masyarakat akan datang.

Namun begitu adalah tidak adil, jika dikatakan semua mahasiswa lalai. Masih ada mahasiswa yang mempunyai komitmen, visi dan matlamat yang jelas. Orang-orang inilah yang harus ke hadapan segera untuk lebih dominan bagi mengatasi dan membendung penyakit yang semakin menular ini.

Bagaimanakah untuk menyelesaikan atau setidak-tidaknya mengurangkan masalah remeh tetapi kompleks ini? Jika diteliti dan dihayati masalah ini adalah masalah dalaman yang perlukan kesabaran dan ketelitian dalam usaha menyelesaikannya; umpama menarik benang dalam tepung.


Bagi pihak bertanggungjawab seperti PMI, PMUPM, badan beruniform, persatuan dan pentadbir, langkah-langkah perlu harus difikirkan. PMI misalnya perlu berusaha lebih gigih untuk memikat mahasiswa supaya mengikuti program-program yang diadakan. Fikirkan daya ransangan dan tarikan yang baik.

Bagi pihak kolej pula, aktiviti yang diadakan perlu seimbang, dinilai dari segi keberkesanannya dalam membentuk pemikiran, kendiri dan sebagainya supaya mampu melahirkan pelajar yang seimbang dari segi kerohanian dan keintelektualan.

Manakala bagi badan yang terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum perlu menanamkan corak pemikiran yang positif, melahirkan sikap yang berani, sifat kendiri yang jitu dan mempunyai jiwa murni.

# PERSONALITI

Oleh: Saaid Majid



**PEMUDA** berbadan sederhana ini lebih dikenali dengan nama panggilan Leymie di kalangan teman-teman sekuliahnya.

Anak seorang petani yang berjaya menjekakkan kaki ke menara ganding mempunyai keistimewaan jari-jemari yang lembut untuk menari-narikan berus lukisan bagi mencipta hasil karya seninya.

Beliau merupakan naib pengurus kelab Seni Lukis bagi sessi (90/91).

Selain daripada bergiat dalam bidang seni lukis, Leymie juga giat dalam bidang penulisan, beliau merupakan ahli kelab Akhbar Mahasiswa UPM.



Leymie mudah mesra kepada sesiapa sahaja yang sempat berbual dengannya. Hasil penglibatannya dengan beberapa persatuan di UPM, menjadikannya ramai teman bukan sahaja di kalangan teman-teman sekuliah malahan teman-teman yang sama-sama berkecimpung di dalam persatuan dan kelab.

## Leymi Antara Seni Dan Akademik






### Profil Personaliti

Nama	:	Hulaimi bin Harun
Umur	:	20 tahun
Tarikh Lahir	:	17 Mei 1971
Asal	:	Terengganu
Bintang	:	Taurus
Tinggi	:	1.63 M
Status	:	Bujang
Hobi	:	Melukis Mengembara Bersendirian
Makanan	:	Nasi Daging
Minuman	:	Teh O
Bintang	:	Ahmad Yatim
Filem yang diminati	:	Ringkas
Pakaian	:	002, Salak KK6
Alamat	:	

# DI SEPANJANG NOSTALGIA BERGAMBAR EKSPIDISI MAHASISWA UPM – DATARAN MERDEKA



- A. Aktiviti sebelum detik 12 malam
- B. TNG (HEP) turut sama menyanyi
- C. TNG (HEP) bersama peserta menikmati jamuan ringan
- D. 'Warming up'
- E. Kata-kata perangsang daripada TNG-HEP
- F. Doa oleh Saudara Abdullah
- G. TNG-HEP melepaskan peserta
- H. Berjalan dikedinginan subuh
- I. Cedera
- J. Rehat lagi, walaupun penat tapi masih boleh mengukur senyum
- K. Rehat melepaskan penat sekejap
- L&M. Awal pagi, penuh semangat
- N. Tiba dengan keletihan
- O. Terlelap dipangkuhan teman
- P. En. Kamal, wakil kementerian Belia dan Sukan memberi ucapan.
- Q. Pengarah Projek En. Roslan menyampaikan cenderamata kepada En. Roslan
- R. Bergambar kenangan





Sambungan dari keluaran lalu,

Tanyaku pada isteriku.  
Kami sejak tadi leka dengan buulan yang memuncak.

## OMBAK MAHBA

"Waalaikum salam, baik dan sihat." Jawab Shapiai.

"Tak panas ke?" Soal Shapiai kepada isteriku.

"What to do, layan budak, jelas isteriku."

"Lagipun seronok lihat alunan ombak saling kejar-mengejar!" tambah Suriani, gara-gara celoteh yang akan berpanjangan.

Sambil membetulkan seluar agar betisnya terlindung, isteriku mengalihkan perbualan. "Anak you mandi, tak pakai pelampung? Ombak besar. Pandai berenang?" Tanyanya pada Shapiai.

"Mana nak sewa pelampung? Balas Shapiai.

Layaknya bagaikan pensyarah sambilan di pantai. Memang layak digelar pensyarah kerana tugasnya di Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim kini memerlukan pensyarah yang ada inovasi dan motivasi. Bukan pensyarah yang basi dengan nota-nota yang tak pernah diubah sejak bertahun.

Hari kian memanas. Begit kulit terasa. Percikan air masin menyapanya kerana lambungan ombak yang kuat. Aku cuba ke atas sedikit. Seronok lihat ombak. Seronok lihat gelombang.

Tersedar olehku, di mana Azureen.

"Sue, mana Reeny?" Tanyaku pada isteriku. Kami sejak tadi leka dengan buulan yang memuncak.

Aku lihat wajah isteriku berubah. Bebolamatanya mencari sesuatu. Pandangannya bagaikan layang-layang. Cemas. Aku pun cemas. "Where's she?" Keemasanku menyapa.

"Tadi, over there, bang... eh, mana pula. Bang, you find her. Come on..." ajak isteriku. Aku kecemasan. Isteriku kecemasan. Aku mengharung air dan ombak. Kupegang tangan isteriku. Basah seluarku sudah paras lutut.

Aku lihat wajah isteriku berubah. Bebolamatanya mencari sesuatu. Pandangannya bagaikan layang-layang. Cemas. Aku pun cemas. "Where's she?" Keemasanku menyapa. "Tadi, over there, bang... eh, mana pula. Bang, you find her. Come on..." ajak isteriku. Aku kecemasan. Isteriku kecemasan. Aku mengharung air dan om-

Orang di sekeliling yang masih bercanda memandang kami keharianan.

"Kak, nampak tak budak pakai baju mandi biru. Pakai pelampor mandi merah?" Aku cuba mendapatkan kepastian dari seorang perempuan yang bersama anaknya mandi.

"Tadi, saya lihat dia kat depan tu, terbuai-buai seorang. Baju biru, kan?" Tiba-tiba aku mendengar suara gadis belasan tahun menyampuk perbicaraan kami.

"Kat mana?" Aku semakin tertarik dengan cebisan kata-kata gadis itu. Kupaut isteriku ke tengah. Basah kami. Separuh pinggang, bajuku basah.

"Tu, dekat payung merah tu, ada pemuda yang jaga. Kalau nak sewa, bolehlah," sambutku menerangkan di mana boleh mendapatkan pelampung itu.

Shapiai meninggalkan kami dan anak-anaknya kerana hendak menyewa pelampung untuk anak-anaknya. Kemudian, dia segera kembali kepada kami dengan langkahnya yang pantas.

"Dah habis." Tanpa diminta, penjelasan Piai memberitahu kami. "Har, Lan, ajak adik main tepi-tepi saja. Jangan mandi jauh-jauh. Ombak besar, nanti hanyut." Shapiai mengarahkan anaknya yang ketiga dan keempat menjaga adiknya.

bak. Kupegang tangan isteriku. Basah seluarku sudah paras lutut. Ombak makin kuat. Terlambung-lambung rasanya badanku. Mataku liar mencari objek. Anakku???" "Reeny! Reeny! Reeny! Jeritku. "Reeny! Reeny! Where are you! Jerit isteriku. Senyap tanpa berjawab.

"Piai, kau lihatlah ombak yang mengguling. Boleh buat sajak. Orang seni." Tiba-tiba isteriku menyambung buulan yang mati seketika.

"Ombak datang mendampar pasir Hanyut dan pulang Ombak datang Pasir puas."

Isteriku cuba berpuisi di hadapan penulis yang sudah prolifik.

"Ha, kau pun boleh cipta puisi. Kau jadikan alam ini sebagai bahan pengucapan hati kau. Memang benar katamu. Sekarang kau pun boleh cipta ombak itu sebagai subjeknya. Langit sebagai latar. Air sebagai latar. Pasir sebagai latar. Manusia mandi sebagai latar. Percikan air sebagai latar. Bunyi bedebuk-bedebuk latar. Okay, kau tulis dan Sam semak. Ahh... itu perkara senang. Semua boleh cipta. Aku pun suka kalau kau orang suami isteri jadi penulis baru!"

Syarahan terbuka oleh teman lamaku. Kami sama-sama ketawa. Saling bersenda.

"Tapi aku kurang pengalaman menulis," sampaik isteriku.

"Kalau belum cuba, tak boleh kata tak ada pengalaman. Dah cuba nanti dan kalau dah tersiar, jangan stop kat situ saja. Kita mesti selalu menghantar. Kalau editor lihat kita selalu hantar, dia pun akan pertimbangkan. Puisi saya, entah berapa puluh yang

tak tersiar. Tapi aku tersuskan juga. Itu sebab kadang-kadang puisi yang sudah berbulan-bulan baru keluar. Sebenarnya editor nak lihat sejauh mana kerajinan, kesungguhan dan keterampilan kita menulis."

Bagaikan khutbah, sudah demi satu penjelasan Piai.

Serta-merta pasukan penyelamat beroperasi.

Isteriku menangis, tak sedar diri. Hilang keutuhan ingatan. Piai cuba menenangkan diriku dan isteriku. Anak-anaknya cuma memerhatikan adegan kami.

Air mataku mengalir dari ruang kelopak mataku. Aku menyandarkan diri. Kubaringkan isteriku bersebelahan. Kembali dia sedar. Sebahagian ingatan alam realiti. Tapi hatinya?

Air matanya meleleh. Pipi gebunya kecut. Matanya semakin sepet. Dibukanya kaca matanya. Murung wajahnya.

"Allah selamat anakku," doaku.

"Allah, selamat Reeny," doa isteriku.

Kulihat Shapiai berlari ke arah pasukan penyelamat. Dia memapah sebujur manusia berbalju biru. Mataku berkuang-kunang di tengah hari. Pantas sekali Piai menatang. Segara diletakkan di depanku. Aku segera menerkam. Isteriku segera menerkam.

Kupaling arah isteriku. Kulihat gunungnya masih berombak.

Kulihat air laut sauja-na. Masih berombak.

Ombak masih menghempas pantai.

"Nak, sabar nak." Tiba-tiba seorang perempuan tua setengah abad merawati isteriku dan menurut-ngurut dada serta kepala isteriku. Diusapnya kepala.

Dipicit-picitnya sendi-sendi betis paha, tangan... Kubiarkan isteriku, ada yang merawat. Yang perlu jiwa ketenangan. Perlu tenang. Tenang lebih baik dari perasaan.

Kuurut dada Azureen perlahan-lahan. Hati meriah harapan. Doaku memanjang ke langit. Sedikit, hatiku berkata, "Dada dan perut Reeny masih berombak."

Kupaling arah isteriku. Kulihat gunungnya masih berombak.

Kulihat air laut sauja-na. Masih berombak.

Ombak masih menghempas pantai.

Pasir masih menagih ombak untuk dibelai.

Ombak dada Azureen ombak jantunku!

## MAHASISWA PERLU AKTIF BERPOLITIK

Bakhari Ariff  
Husain Osman

MAHASISWA harus dibenar melibatkan diri dalam arena politik semasa sebagai persediaan untuk mereka menempuh alam realiti yang sangat mencabar.

Sebagai seorang intelektual yang mempunyai kerampilan dalam pelbagai bidang sepatutnya terasah dengan suasana politik yang memungkinkan seorang mahasiswa lebih cepat matang.

Kerana mahasiswa merupakan satu elemen daripada masyarakat yang tidak boleh disisih atau dikongkong oleh segolongan elit yang berkepentingan.

Demikian di antara hujah-hujah yang dikemukakan oleh pihak pencadang dalam bahas bahasa Malaysia peringkat inter-universiti yang bertajuk "Siswa-siswi Universiti Tempatan Harus Dibenarkan Bergiat Dalam Arena Politik Tempatan".

Pihak pencadang terdiri daripada Norhayati Abdul Wahab, Sazali Mazlan dan Mohd. Nasir Hj. Abdul Aziz dalam bahas yang diadakan di kolej 5 pada 15 Mac lalu.

Turut hadir sama dalam majlis ini ialah Timbalan Naib Canselor HEP, Prof. Dr. Sulaiman, Ketua Penolong



*Kecemerlangan bermula dari Universiti.*

Pendaftar, Encik Yahaya Salim, pengetua-pengetua kolej, fellow-fellow kolej 5, pensyarah-pensyarah dan lain-lain lagi.

Pertandingan bahas inter-kolej ini adalah di bawah anjuran Kelab Forensik, PMUPM dan Hal-Ehwal Pelajar.

Menurut pihak pencadang lagi, mahasiswa adalah satu golongan yang akan menerajui pucuk pimpinan negara pada suatu masa nanti dengan demikian mereka memerlukan persediaan bagi menghadapinya.

Selain itu, katanya, mereka merupakan kumpulan pendesak kepada golongan bawahan, seperti peristiwa Baling,

Kedah pada 1974 di mana mahasiswa pada waktunya sangat peka kepada masalah.

Bagaimanapun, pembangkang yang terdiri dari pelajar kolej 5 berpendapat, dengan membenarkan pelajar terlibat dalam politik akan lebih memudahkan anasir luar mempengaruhi mereka.

Pelajar juga, katanya, akan lebih merosot pencapaian akademik sekiranya dibenarkan berjaya aktif dengan politik dan pihak pembangkang tidak setuju jika dikatakan berpolitik boleh mendekatkan pelajar dengan masyarakat.

Pihak pembangkang terdiri dari: Omar Baki Zainal, Aida Hamim

dan Haryati yang kesemuanya mewakili kolej 5 dalam bahas ini.

Sebagai ganti kepada kegiatan politik, katanya, mahasiswa perlu digalakkan bergiat aktif dengan kegiatan kokurikulum yang juga boleh memupuk semangat kepimpinan.

Universiti juga bukan sahaja mengadakan aktiviti seperti Kampung Angkat yang bukan sahaja mendekatkan diri dengan masyarakat tetapi juga mendedahkan pelajar dengan suasana kehidupan yang sebenarnya.

Dalam pertandingan ini, kolej 5 telah menjadi johan mengalahkan Kolej Kediaman Cikgu Rasyid.

DI DALAM dunia moden sekarang, bilangan belia yang menjadi sukarelawan semakin berkurangan, manusia menjadi individualistik dan tidak mengenali sesama sendiri lagi, ruang untuk berinteraksi secara sihat sengaja disempitkan.

Penglibatan seperti menyertai Persatuan Bulan Sabit Merah dan lain-lain pertubuhan sukarela adalah sesuatu yang murni untuk kemajuan bangsa dan negara di samping dapat memuaskan hati sendiri kerana mampu berkhidmat secara ikhlas kepada masyarakat.

Pada masa kita memberi pertolongan dan bantuan, kita juga sebenarnya secara tidak langsung menimba ilmu pengetahuan, melengkapkan diri dengan asas-asas kebahagiaan hidup bermasyarakat dan dengan itu persahabatan sesama sendiri juga semakin erat.

Melalui pengalaman menjadi sukarelawan, kita juga akan perolehi ruang yang luas untuk memahami nilai-nilai baik dan dapat menyulurkan nilai-nilai murni yang sepatutnya ada di dalam diri seorang mahasiswa masa kini.

## NILAI MURNI MELALUI SUKARELAWAN

HASANI HASSAN

menyanjung tinggi sekali lagi menggalakkan mereka untuk turut serta.

Beliau juga berharap ahli jawatankuasa baru yang dilantik akan menjalankan tugas dengan penuh dedikasi agar penglibatan murni menarik bakti kepada masyarakat ini dapat diperkembangkan.

Inilah yang diseru oleh Prof. Madya Hamid Mokhtar berucap mewakili Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar di majlis perasmian Mesyuarat Agung Ke-IV Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Daerah Kecil Universiti Pertanian Malaysia (PBSMM DK UPM) di Dewan Kuliah Ekonomi Pengurusan pada 6 Januari lalu.

Beliau bangga dengan prestasi yang ditunjukkan oleh ahli-ahli PBSMM DK UPM yang sedia ada kerana ahli-ahlinya sentiasa berpegang teguh pada prinsip sentiasa bersedia memberi pertolongan kepada mereka yang memerlukan.

Katanya lagi, kegiatan seperti ini mesti diteruskan dan dimajukan kerana dengan berkecimpung dalam kesukarelawanan, kita akan sentiasa berjasa kepada bangsa dan negara dan akhirnya masyarakat akan memandang dan

## MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM RASMI KK6

JULIAH FADIR DAN ROHAIDAH OMAR

KOLEJ Kediaman Keenam telah mengadakan majlis Jamuan Makan Malam Rasmi pada Februari lalu di Dewan Sri Teratai.

Tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Datuk Mohd. Ali Hj. Hashim, Ketua Eksekutif (Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor) (PKENJ) dan isteri Datin Noorzilah Mohd. Ali.

Turut hadir ialah Naib Canselor, Tan Sri Dr. Nayan b. Ariffin, Timbalan Naib Canselor, Prof. Dr. Sulaiman b. Hj. Mohd. Yassin, Pengetua KK6, KK3, KPZ, Fellow-Fellow KK6, Pegawai-pegawai UPM, Dr. Yahya dan isteri serta saudara kembarnya KK6 iaitu dari Kampus Rahim Kajai UKM.

Antara lain tujuan Majlis Makan Malam itu diadakan ialah untuk merasmikan Minggu Kolej yang bertemakan "Ke arah Melahirkan Mahasiswa Yang Progresif dan Berdikari".

Tema itu dipilih berujuan memupuk semangat bersatu padu di kalangan penghuni kolej dan memberi pendedahan tentang perlunya sikap berdikari di dalam kehidupan bermasyarakat.

Majlis dimulakan dengan ucapan Pengarah Minggu Kolej, Khalid b. Adnan diikuti oleh Pengurus JKTP KK6, Amer Hamzah Jantan. Dalam ucapannya, beliau menyatakan Majlis Jamuan Rasmi itu diadakan untuk meraikan para pelajar tahun akhir serta bertujuan menguatkan tali silaturahim antara penghuni-penghuni kolej.

Ini diikuti pula dengan Majlis Penyampaian Cenderamata kepada 37 orang pelajar tahun akhir oleh Naib Canselor, Prof. Tan Sri Datuk Dr. Nayan b. Ariffin.

Majlis ini diakhiri dengan Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan kepada penghuni-penghuni KK6 yang dimenangi oleh: Anugerah Siswa Terbaik Akademik: Harris Sandamudin Anugerah Siswa Terbaik Akademik: Intan Aidura Alias Olahragawan Harapan:

Mohammad Ibrahim Olahragawati Harapan: Teh Bee Chai Siswa Terbaik Keseluruhan:

Saiful Amin Jalun Siswi Terbaik Keseluruhan:

Lim Chiew Sim Pemimpin Harapan:

Noraizil Razman Abd. Manap

Penghuni Setia:

Mohd. Azmi Hamzah

dan Khairiri Abu Bakar.

Majlis Jamuan Rasmi tersebut berakhir dengan jamuan ringan di pekarangan tempat letak kereta KK6 dan memberi peluang kepada pelajar untuk beramah mesra dengan tetamu yang hadir.

Menurut salah seorang pemenang Anugerah Intan Aidura Alias iaitu Pemenang Siswa Terbaik Akademik menyatakan perasaan gembiranya dan memberitahu disiplin diri amat perlu di samping cara belajar yang konstan merupakan rahsia kejayaan beliau.

## KPZ BERKEMPEN JAGA KEBERSIHAN

Oleh HAIDAWATI AINE

KOLEJ Pendita Za'ba telah mengadakan kempen kebersihan selama empat minggu berturut-turut bertemakan 'Kebersihan Identiti Kitai', bermula dari 4 Februari hingga 27 Februari 1991.

Kempen ini telah dilancarkan oleh Pengetua KPZ, Tuan Haji Ali Yaacob, di majlis makan malam sempena Ulang Tahun Kolej Pendita Za'ba dan Perwatikanan Majlis Tertinggi Pelajar KPZ.

Kempen kebersihan ini diadakan bertujuan untuk menyedarkan penghuni KPZ mengenai pentingnya persekitaran yang bersih, di mana akan dapat menyihatkan tubuh badan dan membolehkan akti-

viti-aktiviti dijalankan dengan cergas, baik dari segi akademik maupun ko-kurikulum.

Sebelum kempen ini dilancarkan, pertandingan melukis poster telah diadakan selama sepuluh hari dan pertandingan ini telah dimenangi oleh saudara Sharifah Noraziah Al Idid dari Blok Pintar dan tempat kelima ialah Blok Cendekian.

Kempen kebersihan ini dianjurkan oleh seketariat kebajikan MTP, yang diterajui oleh saudara Angeline Ng S.H. dan beliau memberitahu bahawa penilaian yang dibuat terdiri dari dua bahagian iaitu penilaian pada setiap tingkat dan penilaian pada persekitaran blok.

Dalam kempen ini,

ahli jawatankuasa penilaian terdiri dari empat orang ahli yang dipilih dari setiap blok di KPZ.

Johan kempen kebersihan KPZ, dimenangi oleh Blok Bijaksana, Naib Johan jatuh kepada Blok Arif, tempat ketiga ialah Blok Bistari, tempat keempat ialah Blok Pintar dan tempat kelima ialah Blok Cendekian.

Keputusan kempen ini telah diumumkan pada Majlis Makan Malam Pendita III dan rupabentuk hadiah yang diberikan kepada pemenang blok, berupa satu majlis makan malam yang akan diadakan sebelum akhir semester ini.

# KEROHANIAN

## PANDUAN PENYELENGGARAAN JENAZAH

### PENYELENGGARAAN

Jenazah merupakan salah satu ilmu fardhu kifayah dan ini adalah penting untuk diketahui oleh setiap lapisan masyarakat terutama pelajar yang satu hari kelak akan menjadi pemimpin.

Pendidikan di universiti tidak semata-mata tertumpu kepada pendidikan untuk kebahagiaan di dunia malah termasuk untuk mencapai kebahagiaan di akhirat, adalah wajar bagi keperluan jasmani dan rohani diseimbangkan kerana kedua-duanya saling bergantung antara satu sama lain.

Dengan itu adalah menjadi tanggungjawab seseorang individu untuk membawa kepada kebersihan dan ketenangan roh menerusi peningkatan rohani dan takwa. Hakikat ini adalah sebagai realisasi daripada maksud firman Allah: "Wahai Jiwa yang tenang. Kembali kepadamu Tuhanmu dengan hati yang puas lagi direday-Nya. Maka masuklah ke dalam jemaah hamba-hambaku. Dan masuklah ke dalam syurga-Ku" (Surah Al-Fajr, ayat 27-30).

Terlebih dahulu kita lihat tanda-tanda orang yang hendak meninggal dunia di dalam panduan penyelenggaraan jenazah ini.

Tanda-tanda orang yang hendak meninggal, pertamanya nadi. Nadi kita yang selalu menjadi tanda seseorang hampir meninggal ataupun tidak bergantung kepada pergerakan nadi di tangan, biasanya orang yang normal, pergerakan nadi di tangannya biasa saja, tetapi apabila nadi ini tidak bergerak selalunya orang itu sudah hampir dengan ajalnya.

Kedua puluh, kita lihat kepada cahaya mata pesakit, sekiranya cahaya

matanya berlainan dari pada cahaya mata orang-orang yang sihat, tidak ada tindakbalas kepada cahaya lampu, orang ini semakin hambar dengan ajalnya.

Manakala yang ketiga pula ialah keningnya terjatuh. Yang dimaksudkan dengan kening terjatuh ini ialah kedudukan kening itu terkebawah daripada tulang kening.

Dan tanda yang paling hampir sekali ialah suhu badan. Suhu badan pada orang yang hendak meninggal adalah berlainan dengan orang-orang yang biasa, dia kalau kakinya sejuk, betisnya suam, kemudian betisnya pula sejuk, pahanya akan suam dan begitulah peringkat demi peringkat akhirnya keseluruhan badan akan sejuk dan terus meninggal. Dalam sekejap mata sahaja seluruh badannya akan berubah menjadi pucat lesi terutama di bahagian mukanya.

Tugas segera yang mesti dibuat setelah kita betul-betul pasti yang orang itu meninggal, pertama tutup matanya dan yang kedua pula segeralah basuh atau mandi bakal. Yang perlu kita ingatkan kalau boleh hendaklah kita hadapkan ke kiblat tetapi bahagian muka dan bahagian kakinya kalau boleh hendaklah dihadapkan ke kiblat, selain dari itu kita hendaklah tutup matanya berulang kali. Ini adalah untuk memastikan matanya betul-betul tertutup rapat.

Perkara yang mustahak sekali ialah kita hendaklah membawanya nadi kecil dan nadi besar. Kita hendaklah memastikan bahawa ianya betul-betul suci supaya ianya tidak tercincir apabila dialih ke lain tempat nanti dan untuk mengelakkan daripada sebutan buruk orang-orang

yang datang menziarahi.

Setiap pekerjaan membawanya mestilah dilakukan dengan cara yang paling teratur dan cermat sekali. Hendaklah diangkat mayat itu, ditekan perlahan-lahan perutnya dan dibasuh sampai bersih.

Setelah semuanya bersih, hendaklah diangkat perlahan-lahan dan diletakkan mayat itu di satu tempat khas kalau boleh kanannya hendaklah mengadap ke kiblat. Dan tangannya hendaklah semacam qiam kemudian tangan itu hendaklah diikat. Selain daripada tangan, dagu juga hendaklah diikat sehingga ke atas kepala jangan terlampaui longgar dan jangan terlampaui kuat.

Setelah selesai memandikan bakal maka hendaklah pula menyelesaikan segala hutang-hutang si mati, setelah selesai semuanya maka disunatkan pula menyegerakan pengurusan mayat iaitu disunatkan segera memandikan mayat.

Air yang digunakan untuk memandikan mayat adalah air mutlak. Selain dari air boleh juga digunakan kapur barus, buah limau dan sebagainya. Kapur barus bertujuan untuk menahan badan begitu juga buah limau untuk memudahkan menanggalkan darah-darah beku dan nadi terutama orang yang mati dalam keadaan yang tidak menyenangkan seperti kemalangan.

Kapur barus ini tidak boleh digunakan di bahagian mata kerana ia memedahkan begitu juga dengan limau tidak boleh digunakan di tempat yang luka. Memandikan mayat ini hendaklah dikerjakan dengan cara yang perlahan dan cermat sekali. Cendana hendaklah ditumbuk halus dan dit-

bur ke atas kain kafan, bunga rampai untuk mengharumkan mayat terutamanya jika mayat begitu juga dengan air mawar untuk mengharumkan mayat dalam keadaan uzur. Air daun bidara pula digunakan untuk menyiram atau melembutkan bahagian-bahagian sendi yang telah keras.

Apabila selesai memandikan hendaklah pula dikafankan mayat tersebut. Biasanya kain kafan itu tiga lapis dan ukurannya mestilah lebih sedikit sekurang-kurangnya dua kaki daripada ukuran mayat supaya mudah untuk mengikatnya nanti. Kemudian disediakan lagi lain 'merwang' iaitu kain berbentuk tiga segi yang boleh dimasukkan tangan ke dalamnya. Biasanya kain ini sebanyak lima helai dan ia digunakan untuk membersihkan nadi.

Kain 'sugi' digunakan untuk membersihkan segala anggota iaitu gigi, mata, hidung, telinga, jari kaki dan jari tangan. Kain sugi ini dibuat daripada kain yang digunting selebar dua inci kemudian digulung bulat sebanyak tujuh semuanya.

Kemudian kain kafan dibentang tiga lapis dan di bahagian bawahnya hendaklah diletakkan lima tali yang diperbuat dari kain yang agak besar. Tali ini hendaklah diletakkan di tiap-tiap bahagian badan, kepala, di tubuh, dan di kakinya. Tali ini digunakan untuk mengikat bahagian badan setelah mayat itu selesai dikafankan.

Sewaktu hendak memandikan mayat, ia hendaklah diangkat perlahan-lahan dimulai dengan bacaan Bismillahi Wa'ala Millati Rasulullah. Biasanya mayat dimandikan di atas batang pisang dipanggil 'katir' dan seelok-eloeknya

orang yang paling hambar dengan si mati sendiri memangkunya. Orang yang memangkunya mayat ini adalah seramai lima orang, duduk dalam keadaan berselang-seli dan bertentang antara satu sama lain yang mana keadaan begini membolehkan pekerjaan memandikan mayat dilakukan dengan tetap dan selesa.

Pertama bersihkan air ke seluruh badan di mana setiap kekotoran dan najis hendaklah dipastikan benar-benar diberisihkan. Gunakan air yang banyak dan bersihkan najis dengan kain marwang. Mandikan mayat dengan cara yang paling teliti menggunakan air dan sabun biasa serta gosoklah di bahagian bawah di atas lapis pertama kain kafan. Cuma di bahagian papang punggungnya sahaja. Tujuannya ialah untuk mengelakkan daripada terkeluar najis ketika mengangkat mayat tersebut. Sekiranya mayat itu tidak uzur sunat kiranya menggunakan hanya tiga lapis kain kafan sahaja tanpa menggunakan kapas ini adalah untuk mengelakkan pembaziran.

Untuk orang-orang perempuan dijahit khas kain untuk memberikan perlindungan di mana kain dijahit seperti bantal panjang kecil hujungnya berjahir dan satu lagi dibiarakan berlubang untuk dimasukkan kapas ke dalamnya. Kain ini diletakkan di celah-celah paha dan di tarik perlahan-lahan, tujuan kain ini dibuat adalah untuk melindungi dari terkeluar najis dan sebagainya.

Setelah selesai semua kerja-kerja mengafankan barulah kita masuk kepada sembahyang jenazah. Sembahyang jenazah ini bukanlah terhad kepada orang-orang lelaki atau orang yang tertentu sahaja tetapi orang perempuan juga boleh melakukannya.

Niat sembahyang jenazah

lebih di kaki dan kepala. Kain kafan tiga lapis itu kita gunakan sistem giam sembahyang. Kanan di atas dan di kiri bawah dan begitulah seterusnya dan hendaklah betul-betul tegang. Setelah selesai semuanya barulah diikat semasa mengikat buku tali itu hendaklah berada di sebelah kiri mayat. Gunanya ialah untuk membuka balik sebelum daripada ditutupkan dengan papan semasa di dalam kubur nanti.

Ada juga eloknya sekiranya kapas digunakan terutamanya kalau mayat itu uzur, di mana kapas diletakkan di bahagian bawah di atas lapis pertama kain kafan. Cuma di bahagian papang punggungnya sahaja. Tujuannya ialah untuk mengelakkan daripada terkeluar najis ketika mengangkat mayat tersebut. Sekiranya mayat itu tidak uzur sunat kiranya menggunakan hanya tiga lapis kain kafan sahaja tanpa menggunakan kapas ini adalah untuk mengelakkan pembaziran.

Sebagaimana yang kita ketahui sembahyang ghaib juga boleh kita lakukan dengan syarat kita pastikan bahawa mayat tersebut sudah dimandikan. Sembahyang ghaib juga boleh dilakukan sesudah mayat tersebut dikafankan dan ia boleh dilakukan berseorangan. Setelah selesai sembahyang barulah mayat itu ditanam, soal membaca talkin adalah bergantung kepada seseorang itu sama ada dia hendak talkin dibacakan ke atas mayat tersebut atau tidak.

Sekian yang dapat disampaikan semoga dengan adanya panduan ini akan dapat dijadikan asas dan pedoman untuk menimba ilmu-ilmu sebagai bekal kepada penghidupan nanti.

zah adalah seperti berikut:

'Aku sembahyang ke atas mayat yang disembahyangkan oleh imam ke atasnya.' Kemudian takbir Allahuakbar. Selepas takbir pertama baca fatihah, kedua baca pula selawat. Kemudian bacalah doa jenazah.

Iaitu Allahummaghfirlahu bagi lelaki dan Allahummaghfirlahu bagi perempuan minta Tuhan ampunkan dosanya, minta tuhan terima amal ibadatnya dan sebagainya lagi. Setelah empat kali takbir diakhiri dengan salam iaitu sekali ke kanan dan sekali ke kiri. Maka dengan itu selesailah sudah sembahyang jenazah ke atas mayat tersebut.

Sebagaimana yang kita ketahui sembahyang ghaib juga boleh kita lakukan dengan syarat kita pastikan bahawa mayat tersebut sudah dimandikan. Sembahyang ghaib juga boleh dilakukan sesudah mayat tersebut dikafankan dan ia boleh dilakukan berseorangan. Setelah selesai sembahyang barulah mayat itu ditanam, soal membaca talkin adalah bergantung kepada seseorang itu sama ada dia hendak talkin dibacakan ke atas mayat tersebut atau tidak.

Sekian yang dapat disampaikan semoga dengan adanya panduan ini akan dapat dijadikan asas dan pedoman untuk menimba ilmu-ilmu sebagai bekal kepada penghidupan nanti.

**Petikan:**  
Buku Panduan Penyelenggaraan Jenazah  
**Tulisan:**  
Prof. Madya Dr. Harun Din  
**Disusun Oleh:**  
M. Roslan Ismail

### NIAT SEMBAHYANG MAYAT

Niat sembahyang jenazah laki-laki.

اَصَلَّى عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرِضَ الْكِفَايَةُ  
سَأَمُونًا، إِيمَانًا لِلَّهِ تَعَالَى، اللَّهُ أَكْبَرُ!

Sahaja aku sembahyang atas mayat ini lelaki empat takbir fardhu Kifayah menjadi maknum (imam) kerana Allah Ta'ala

Mayat perempuan -

اَصَلَّى عَلَى هَذِهِ الْمَيِّتَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرِضَ الْكِفَايَةُ  
سَأَمُونًا، إِيمَانًا لِلَّهِ تَعَالَى.

Sahaja aku sembahyang atas mayat ini perempuan empat takbir Fardhu Kifayah menjadi maknum (imam) kerana Allah Ta'ala

Niat umum hadir atas ghaib lelaki atau perempuan:

اَصَلَّى عَلَى مَنْ صَلَّى عَلَيْهِ ادَمَ مَائِمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku sembahyang atas mayat yang disembahyangkan oleh imam menjadi maknum kerana Allah Ta'ala

### PERHATIAN

- Haram dimandikan mayat yang mati di dalam perang sabilullah.
- Haram menaruh bau-bauan kepada yang mati di dalam ihram.
- Haram ditutup muka perempuan dan lelaki bagi orang yang mati di dalam ihram.
- Juju' mayat orang Islam wajib dimandikan, dikapankan, disembahyangkan.

### ATURAN

1. Memandikan
2. Mengkaparkan
3. Menyembahyangkan
4. Mengkebumikan


### RUKUN SEMBAHYANG MAYAT

1. Niat
2. Berdiri
3. Takbir empat kali
4. Membaca Fatihah
5. Membaca salawat
6. Mendoakan mayat.
7. Memberi salam.

## Ulasan Buku



## PENGUKURAN PENDIDIKAN satu pengenalan



**Judul :** Pengukuran Pendidikan  
satu pengenalan  
**Pengarang :** Dr. Abdul Fatah Abdul Malik  
**Penerbit :** Nurin Enterprise  
**Halaman :** 149  
**Harga :** \$6.00  
**Pengulas :** Saaid Majid - PBMP

BUKU ini ditulis oleh Dr. Abdul Fatah Abdul Malik. Beliau dilahirkan di Kampung Tanjung Resang, Endau, Johor. Mendapat pendidikan awal dan menengah di Mersing, Johor. Setelah menamatkan pendidikan peringkat menengah, beliau telah me-

masuki Kolej Pertanian Malaya (Universiti Pertanian Malaysia), tamat dengan mendapat Diploma Pertanian pada tahun 1972. Kemudian beliau mengajar di Institut Pertanian Bumbung Lima selama tiga tahun. Beliau juga pernah mengikuti kursus jangka

pendek Kejuruteraan Pertanian di Jepun.

Pada tahun 1976 beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Louisiana State, Amerika Syarikat dan mendapat ijazah B.Sc., M.Sc., dan Ph.D dari universiti tersebut.

Beliau pulang ke Malaysia pada tahun 1983 dan bertugas sebagai pensyarah di Universiti Pertanian Malaysia sehingga sekarang.

Buku ini ditulis di atas kesedaran beliau tentang betapa kurangnya buku ilmiah khususnya dalam bidang pengukuran dan pengujian pendidikan yang ditulis dalam bahasa Malaysia.

Di atas kesedaran ini maka beliau berusaha membuat pelbagai rujukan terutama daripada bahan-bahan bahasa Inggeris agar bidang ilmu ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi di negara ini di mana bahasa pengantar sepenuhnya menggunakan bahasa Malaysia.

Dalam Bab 3 buku ini, beliau membincangkan tentang statistik yang digunakan dalam bilik darjah. Bab 7 membincangkan cara-

cara pembentukan ujian objektif. Bab 8 membincangkan cara-cara pembentukan ujian esei. Manakala Bab 9 membincangkan pembentukan alat untuk mengukur performans dan hasil.

Sementara bab-bab lain seperti Bab 1, menerangkan tentang sifat pengukuran yang asas, Bab 2 soal pengukuran dengan pendidikan, Bab 4 menerangkan ciri-ciri alat pengukur, Bab 5 tentang prosedur dalam pengujian, Bab 6 merancang ujian dan bab 10 menilai sesuatu ujian.

Walaupun buku ini tidak begitu tebal tetapi buku ini sudah cukup sebagai asas untuk mengetahui soal-soal pengujian dan pengukuran dalam pendidikan.

Dr. Abdul Fatah, berjaya menulis dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami dengan memberi contoh-contoh pengiraan sesuatu tajuk yang dikemukakan.

Bagi para guru dan bakal guru atau kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam statistik perlu memiliki buku ini sebagai panduan.



## HARI KELUARGA JABATAN PEMBANGUNAN MANUSIA

AHMAD BIN JUSOH

PERSATUAN Pembangunan Manusia telah mengadakan pesta sukan keluarga sempena sambutan Hari Keluarga Jabatan. Pengajian Pembangunan Manusia pada Januari lalu.

Pesta sukan ini disertai oleh pensyarah, kakitangan Jabatan Pembangunan Manusia dan juga pelajar Bacelor dan Diploma Pembangunan Manusia.

Antara permainan yang dipertandingkan adalah seperti bola sepak, bola tampar, bola jaring, sepak takraw dan tarik tali.

Sambutan yang diberikan oleh peserta amat menggalakkan di mana

mereka telah menunjukkan semangat kekeluargaan dan semangat kesukanan yang tinggi sepanjang pertandingan dijalankan.

Menurut Naib Presiden Persatuan Pembangunan Manusia, Mohd. Nasir Nasirul Amin, di antara objektif hari keluarga adalah untuk menggerakkan tali persaudaraan di antara pelajar, pensyarah dan kakitangan Jabatan Pengajian Pembangunan Manusia.

Tambah beliau lagi, aktiviti ini juga bertujuan untuk melahirkan pelajar yang aktif dalam kurikulum di samping kesibukan akademik


dan menolak anggapan bahawa program Pembangunan Manusia hanya terdiri daripada pelajar perempuan sahaja.

Aktiviti ini juga bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar bahawa kesihatan fizikal adalah penting untuk membantu mencapai kecemerlangan akademik.

Mohd. Nasir berharap dengan adanya aktiviti seperti ini akan dapat memajukan persatuan ini seiring dengan langkah menjadikan Jabatan Pengajian Pembangunan Manusia sebagai sebuah fakulti baru iaitu Fakulti Ekologi Manusia.

## GELAGAT

HALLOW!



## TINJAUAN KAMPUS

# MASALAH 'PARKING' DI KAWASAN UNIVERSITI

**MASALAH** tempat letak kenderaan di sekitar kawasan kampus semakin meruncing. Ramai pelajar menyatakan rasa tidak puas hati tentang masalah ini. Wartawan KAM, Saaid Majid menyingskap perkara ini.

Seorang pelajar semester 6, Encik Jamal bin Abd. Razak sewaktu ditemui menyatakan beliau telah dua kali kena denda kerana kesalahan 'parking'.

"Saya bukan tak tahu perbuatan saya salah tetapi bayangkanlah jangka waktu pertukaran waktu kuliah ialah 10 minit, kadang-kadang ada pensyarah atau tutor tidak memberi masa 10 minit itu kepada kami, oleh itu ruang 'parking' penuh. Mana hendak letak? Mahu tak mahu letak saja di luar petak." Katanya.


Pelajar semester 4,

Yusof Ahmad berkata, masalah 'parking' di kawasan Fakulti Pendidikan baru perlu diatasi.

"Ruang-ruang yang ada kesemuanya ditulis untuk 'PEGAWAI', di mana hendak kami letak kenderaan mereka."

AM mengenal pasti kawasan yang masih kurang ruang 'parking' antaranya:

- ★ Kawasan bangunan Fakulti Pendidikan baru.
- ★ Kawasan Fakulti Perhutanan.
- ★ Kawasan Fakulti Pengurusan Ekonomi Sumber.
- ★ Sebelah bangunan Keselamatan (di mana sebahagiannya telah diuntukkan kepada pegawai).
- ★ Kolej Kediaman 3 (KKS).
- ★ Hadapan Pejabat Pos UPM.
- ★ Berhampiran BKP.



# RUANGAN PEMBACA

## HINEX CAMP III MENANTI DI UUM

TERLEBIH dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Akhbar Mahasiswa kerana memberi peluang menulis di ruangan ini.

Untuk pengetahuan semua, KLKM UPM terdiri daripada 22 orang siswa dan siswi telah menyertai perkhemahan Hinex Camp II baru-baru ini.

Persiapan untuk Hinex Camp ini telah dibuat sejak semester Disember dan telah mengorbankan banyak masa dan tenaga para ahli bagi menyediakan kelengkapan perkhemahan ini.

Bagi melicinkan perjalanan Hinex Camp beberapa ahli telah ditugaskan dan bekerja kuat bagi memastikan perjalanan yang lebih lancar dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti sepanjang Hinex Camp.

Secara keseluruhan para ahli telah menun-

juukkan sikap yang baik serta semangat kerjasama yang tinggi dalam menjalankan projek ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada semua ahli dan semua pihak yang telah menjayakan Hinex Camp ini sehingga KLKM UPM muncul sebagai juara keseluruhan.

Akhir kata saya berharap agar setiap ahli dapat meningkatkan lagi prestasi masing-masing dan segala kelemahan dapat diperbaiki bersama untuk mencapai kecemerlangan di masa akan datang.

Semoga kita akan dapat bersama-sama lagi dalam Hinex Camp III di Universiti Utara Malaysia (UUM).

**Mazlan b. Ahmad**  
(Ketua Kontinjen  
KLKM UPM)

## KEGAGALAN MEMBAWA PENGAJARAN

KEGAGALAN, itu-lah suatu perkataan yang pasti tidak kuge-mari tetapi cukup memberi pengajaran bagiku. Memang terdapat pelbagai kegagalan yang ku-hadapi yang mana setiap darinya berbeza dari se-gi tahap kepentingan darjah kegagalan tersebut.

Ingin kupaparkan sebuah kegagalan yang kuhadapi di mana ia memberi kesan pembelajaran yang amat ber-makna. Kejadian ini berlaku pada tahun 1988 sewaktu cuti antara sesi. Cuti panjang tersebut, aku isikan masa dengan belajar memandu kere-ta. Setelah hampir sebulan mempelajarinya, tiba-lah waktu untuk mengambil ujian memandu. Aku merasakan bahawa aku perlu lagi belajar untuk mahir dalam memandu, namun pak cik yang mengajarku telah menunjukkan keyakinan yang begitu tinggi untuk aku terus mengambil ujian memandu.

Pada hari ujian tersebut, aku merupakan peserta yang pertama pada sesi petang. Sesi itu dimulakan dengan ujian 'parking' kereta dan me-naiki bukit yang curam. Aku berjaya dan ini menguatkan keyakinan-ku. Kemudian peserta yang berjaya berhat se-bentar untuk ujian yang seterusnya. Setelah itu diadakan ujian memandu di jalan raya. Aku

mengandaikan ujian memandu di jalan raya ini tidak menjadi masalah kerana seperti yang kuketahui, bahagian uji-an parkinglah merupakan peratus kegagalan yang tinggi. Tepat seperti yang kuandaikan, aku selamat memandu hingga tamatnya. Namun apabila aku melihat keputusan bahagian kedua, iaitu bahagian memandu di jalan raya, ternyata aku gagal!! Aku berasa begitu terkejut kerana pada hematku ti-dak ada apa-apa yang menjadi kesalahan se-waktu memandu. Setelah kuteliti borang kepu-tusan. Rupa-rupanya aku tidak memakai tali pinggang keledar keselamatan!! Hanya itu sa-haja. Akibatnya aku ter-paksa menanggung mengulang ujian bahagi-an kedua tersebut.

Bagiku, ini memberi suatu pengajaran yang amat berkesan. Aku be-gitu tekun pada acara bahagian memandu yang kelihatan lebih sukar dan utama hingga mengenepikan ingatanku pada tali pinggang keledar. Sesuatu yang dianggap remeh-temeh, kecil dan kurang penting sungguhnya jika diabaikan sedikit sebanyak boleh memberikan masalah yang besar.

**Kiriman oleh:**  
**Haslina Hassan**  
(Tahun akhir Ekonomi Sumber)

## TAHNIAH UNTUK KAM

KAM mengucapkan terima kasih pada Sau-dara Amri.

wartawan KAM.

"Saya bangga sekali dengan mahasiswa/i yang telah mengusaha-kan sehingga terbitnya Akhbar Mahasiswa", katanya dalam perbualan telefon dengan

lah bergraduat pada ta-hun 1986 dan beliau sekarang menjadi guru di Sekolah Sultan Sulaiman Kuala Trengganu.


Di dalam surat beliau yang bertarikh 26 Januari 1991, menyebut baha-

wa pengorbanan tenaga, masa dan khidmat yang tuan sumbangkan bagi menerbitkan AKHBAR MAHASISWA adalah penuh dedikasi.

## BERAT MATA MEMANDANG....

### Gambar Satu

Harta UPM semua bermilai  
Ada yang buruk ada yang baru  
Besi buruk lagikan bermilai  
Ini pula motosikal 'antik.'



ALANGKAH indahnya alam persekitaran kampus kita dewasa ini. Banyak tumbuhan dan bermacam aneka bunga tumbuh dengan subur. Rasanya sejuk telah menjadi pandangan yang menyakitkan.

Kalau dilihat di ha-

dapan Dewan Kuliah D, didapati 2 longgok motor buruk yang tidak tau berapa usianya.

Tidak tahu kenapa motor yang sudah tidak boleh digunakan lagi dibiarakan di situ. Dengan adanya longgokan motor buruk tersebut, telah

menyebabkan berlaku nyakit mata, Tolonglah alih ke tempat lain.

Tapi mengikut Universiti Pertanian, motor bu-ruk mungkin untuk dipamerkan kepada masyarakat umum.

Habis jelajah, desa dan kota,

Mengikut Kementerian Kesihatan, benda-benda yang tidak berguna, haruslah ditanam bagi mengelakkan membiakkannya.

Lepaskan dahaga minum di kantin,

Motor buruk me-

nyakitkan mata,  
Tolonglah alih ke tempat lain.

Hari-hari makan asam,

Mari dimakan di atas para,

Sungguh malang keindahan terancam,

Motor antik punya angkara.

Oleh: \*

Mohd. Razali Othman.

**Gambar dua**  
UPM terkenal insan berseri  
Banyak bunga berwarna-warni  
Pandangan yang cantik jangan dicemari  
Oleh peti sejuk 'cafe' ini.



## SIMPOSIUM BELIA KEBANGSAAN

SIMPOSIUM Belia Kebangsaan anjuran Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia, Majlis Belia Malaysia (MBM) dengan kerjasama Bahagian Hal-Ehwal Pelajar UPM yang berlangsung di Dewan Besar UPM selama tiga hari berturut-turut dari 8–10 Mac 1991 menyaksikan pertemuan belia-belia dari pelosok negara termasuk wakil mahasiswa dari institusi pengajian tinggi.

Simposium yang julu-julung kali diadakan ini bertemakan 'Kecemerlangan Belia Teras Pembentukan Ummah' adalah hasil kesedaran belia yang ingin menggarap nilai-nilai kecemerlangan dalam merealisasikan suatu visi dalam konteks belia moden hari ini.

Kesungguhan mereka mengatur program seperti ini adalah sebagai titik-tolak dalam usaha mereka menyahut seruan dan cabaran dari pelbagai pihak yang dianggap lebih 'tua' mengatakan belia pada hari ini buku, tidak matang, dan kadangkala perlu disiap itu dan ini dalam mengajar cita-cita mereka.

Simposium kali ini telah diisi dengan berbagai program yang berkaitan dengan bidang yang menjadi tumpuan para belia seperti kegiatan berkumpulan dan organisasi, kepimpinan, pendidikan, sukan dan masalah, sosio-ekonomi yang kebanyakannya dibincang dalam bentuk bengkel, forum, serta pembentangan kertas kerja.

Oleh kerana para peserta diwakili oleh belia dari setiap negeri dan para mahasiswa sendiri maka pihak pengajur cuba mengalihkan pandangan para peserta kepada masalah-masalah

yang sering menjadi topik perbualan melalui objektif yang telah digariskan di antaranya:

- \* Memberi pendahaman mengenai cabaran, peranan dan persediaan di dalam menghadapi masyarakat.
- \* Membentuk pemikiran, perlakuan dan seterusnya melahirkan generasi belia yang seimbang berlatarbelakangkan sosial, ekonomi dan agama.
- \* Menyediakan asas-asas kepimpinan di dalam menerajui organisasi-organisasi belia.

Objektif yang kedua kelihatan agak unik dan mempunyai maksud yang mendalam di samping beberapa perkara yang perlu mendapat perhatian dari pihak pengajur.

Pertama, apakah kaedah ataupun 'approach' yang digunakan dalam mencapai objektif berkenaan. Kedua, apakah generasi belia yang seimbang itu dimaksudkan sebagai melibatkan diri dalam bidang ekonomi dan sosial secara sederhana serta mempraktikkan hukum-hukum agama secara sederhana mengikut seleira masing-masing?

Dari satu sudut, perkara ini boleh menimbulkan suatu situasi yang kurang selesa, sekiranya penyertaan terdiri dari pelbagai keturunan dan agama sedangkan pembentukan ummah yang diidamkan tidak difahami dan dirasakan janggal oleh setengah pihak.

Umumnya, objektif yang telah digariskan ini mungkin akan menjadi satu formula atau resepi dalam menunjukkan belia di masa-masa akan

datang selaras dengan kata-kata Menteri Belia dan Sukan, Senator Annuar Musa bahawa "generasi belia hari ini mestilah mempunyai pandangan yang jauh ke hadapan dan dapat menterjemahkannya secara realiti" ... katanya dalam buku cenderamata sempena simposium ini.

Seperkara lagi yang menarik perhatian kita ialah kesungguhan yang ditunjukkan oleh pelbagai pihak yang memberi sumbangan dalam menjayakan simposium kali ini termasuk agensi-agensi kerajaan khususnya di bawah Kementerian Belia dan Sukan, badan berkanun, sektor swasta, pensyarah institusi pengajian tinggi serta pertubuhan politik tanahair.

Harapan pihak pengajur agar objektif simposium ini bukan bergantung sepenuhnya kepada bilangan peserta tetapi resolusi yang dihasilkan dari simposium ini diketengahkan semaksimumnya.

"Para belia bukan sahaja akan menjadi 'catalist' atau mungkin yang dapat meningkatkan kualiti pemikiran ummah dan masyarakat tetapi sekaligus berperanan sebagai pencetus idea bernes dan sebagai pilar-rujuk dalam pelbagai bentuk masalah...." kata Pengarah Simposium Kebangsaan ini Sdr. Nor Mohd. Zulkarnain Abd. Yazid.

"Adalah diharapkan simposium ini bukan sahaja pertemuan secara lahiriah bahkan tetapi perkongsian idea-idea serta pandangan mereka ini dikembangkan setidak-tidaknya menjadi atur langkah dalam menghadapi cabaran-cabar baru dan diteladani oleh belia-belia lain...." ujarnya lagi.

## TIADA NEGARA MEMBERI KEBEBASAN KEPADA MEDIA MASSA

— Subky Latiff Oleh: Bakhari Ariff

TIADA negara dalam dunia hari ini yang menganugerahkan kebebasan kepada media massa bagaimanapun ia selalu dituntut oleh rakyat terbanyak, demikian kata Subky Latiff di hadapan 150 mahasiswa UPM.

Beliau mewakili akhbar Harakah dalam satu forum yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia yang bertajuk: Propaganda Media Massa — kesan terhadap pemikiran masyarakat.

Menurutnya, masyarakat yang dipropagandakan oleh sesuatu pihak tertentu akan menjadikan masyarakat itu buku, lesu, kolot dan mungkin menjadi 'katak di bawah tempurung'.

Media massa, kata-

nya, bukan sahaja mengandungi seruan dakwah pada laporannya tetapi turut serta terkandung di dalamnya maklumat, pendidikan, kritik dan juga hiburan.

Forum ini adalah anjuran sekretariat penerbitan II PMUPM yang diadakan di dewan kuliah D pada Feb. lalu dengan kerjasama HEP dengan tujuan berikut:

- \* Memberi gambaran yang jelas kepada mahasiswa tentang peranan serta sumbangan media massa di dalam pembangunan masyarakat.
- \* Mengembalikan sikap sensitif dan beridealisme di kalangan mahasiswa.
- \* Melahirkan maha-



En. Subky Latif



En. Subky Latif sedang menyampaikan ceramahnya di majlis forum Media Massa.

siswa yang berinovasi dan kritis di dalam memilih berita dan isu semasa.

Turut menjadi ahli panel dalam forum ini ialah wakil dari RTM dan wakil dari Berita Harian.



Tersenyum dengan hadiah kemenangan.

## KK5 CIPTA SEJARAH MENJADI JUARA BAHAS ANTARA KOLEJ

Oleh:  
Bakhari Ariff  
Husain Mohamed

KOLEJ Kediaman Ke-5 mencipta sejarah dengan membolot kedua-dua hadiah bahas inter-kolej dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris yang diadakan di kampus hijau.

Pertandingan akhir bahas ini telah diadakan di Dewan Makan KK5 dengan disaksikan oleh 300 mahasiswa pada Mac lalu.

Pembahas terbaik dalam bahasa Inggeris, Susan dari program Bac. Sains Perniagaan semester dua menyatakan perasaan gembiranya se-

telah diumumkan sebagai pembahas terbaik.

Menurutnya, beliau sendiri terpaksa mencari bahan dan menulis skrip dan banyak berbincang sesama pasukannya serta bantuan dan tunjuk ajar daripada fellow-fellow dan pengetua yang banyak membantu.

Beliau juga aktif dalam kegiatan ko-kurikulum dan merupakan salah seorang ahli jawatankuasa kelab AISEC UPM.

Sementara itu pembahas terbaik dalam bahasa ini bagi memastikan kejayaan pasukannya,

hayati 21, dari program PBMP semester dua terharu di atas kemenangannya.

Menurutnya, beliau pernah menjadi johan pidato peringkat daerah dan pernah memasuki pertandingan pidato peringkat negeri Johor dan mendapat tempat ke-4 semasa di Sekolah Menengah Laksamana Kota Tinggi, Johor.

Pengalaman daripada pidato ini telah digunakan sepenuhnya dalam pertandingan bahas ini bagi memastikan kejayaan pasukannya,

katanya lagi. Cik Norhayati juga aktif dalam aktiviti kolej terutama bidang tarian dalam sekretariat kebudayaan dan rekreasi KK5.

Hadiyah kemenangan telah disampaikan oleh Prof. Dr. Sulaiman bin Haji Mohd. Yasin merupakan sebuah piala pusingan, cenderamata, sijil penghargaan dan wang tunai.

Manakala pembahas terbaik juga mendapat sebuah piala pusingan, cenderamata, sijil penghargaan dan wang tunai.

# GHAZALI SHAFIE DI KK-3

Oleh: AHMAD SHAFRIN BIN ABDUL AZIZ



Tan Sri Mohamad Ghazali Shafie beramah-mesra dengan pelajar KK3

FAKTOR utama teretusnya Perang Teluk antara tentera Iraq dengan Tentera Bersekutu pimpinan Amerika Syarikat ialah kerana masing-masing mempunyai perasaan takut.

"Amerika dan Kuwait takut Iraq menjadi kuasa tentera terbesar di Teluk, lantas Amerika meminta Kuwait mengeluarkan minyak secara berlebihan supaya harga minyak di pasaran dunia jatuh dan seterusnya menjelaskan rancangan Iraq untuk membesarkan angkatan tenteranya yang bergantung kepada keuntungan jualan minyak."

"Iraq pula takut ekonominya terjejas teruk akibat turunnya harga minyak, telah menyergap Kuwait secara nekad dengan alasan Kuwait adalah talibar Amerika Syarikat."

Demikian ditegaskan oleh Tan Sri Mohamad Ghazali Shafie sewaktu berucap dalam majlis Jamuan Malam Rasmi Kolej Kediaman Ketiga yang diadakan baru-baru ini.

Tan Sri Mohamad Ghazali juga telah menyarankan kepada mahasiswa supaya peka dengan hal semasa terutamanya perang Teluk kerana ia turut memberi kesan kepada negara dan perang itu boleh dijadikan iktibar.

Menurutnya lagi, mahasiswa yang peka adalah mahasiswa yang dapat memenuhi ciri-ciri mahasiswa yang sebenar.

narnya.

Ucapan beliau dalam Majlis Jamuan Malam Rasmi KK3 yang bertemakan 'Mahasiswa Berketerampilan Teras Masyarakat Dinamik', telah berjaya menarik perhatian para hadirin dengan idea-idea beliau yang bernes dan diselang-seli dengan cerita-cerita yang melucukan tetapi bermakna.

Sebelum itu, Pengetua Kolej Kediaman Ketiga, Prof. Madya Dr. Idris Abdol dalam ucapannya, antara lain telah memaklumkan kepada para tetamu khas KK3 adalah salah sebuah kolej yang terbaik di Universiti Pertanian Malaysia ini dengan beberapa kejayaan yang dicapai khususnya dalam bidang sukan.

Beliau juga melahirkan rasa bertuah kerana Tan Sri Mohamad Ghazali sudi hadir ke majlis tersebut dan menyera penghuni KK3 agar mengambil kesempatan ini untuk berkenalan dan beramah mesra dengan tokoh negarawan ini.

Manakala Pengurus Ahli Jawatankuasa Tinggi Kolej, Saudara Mohamad Ishak, telah menyarankan agar penghuni-penghuni kolej meneruskan perjuangan yang akan ditenggalkan oleh pelajar-pelajar tahun akhir bagi memastikan KK3 tetap unggul.

Dalam majlis itu juga, pihak kolej telah memberikan cenderamata

kepada pelajar-pelajar tahun akhir dan pihak yang telah menyumbangkan jasa kepada kolej iaitu AJK Tertinggi Kolej dan Badan Wakil Tingkat.

Seperti tahun sebelumnya, pihak kolej telah memilih beberapa pelajar untuk menerima anugerah yang disediakan iaitu anugerah akademik cemerlang, anugerah khas kepimpinan dan anugerah tertinggi, 'Third Collegian of The Year'.

Saudari Akmariah binti Kassim dari program Bacelor Pendidikan (TESL) tahun akhir, telah dipilih sebagai penerima anugerah pelajar akademik cemerlang, manakala Saudara Nazmi bin Mohd. Nasir juga pelajar tahun akhir dari program Bacelor Perikanan yang juga merupakan Naib Pengurus 1 AJK Tertinggi Kolej, telah dipilih sebagai penerima anugerah khas kepimpinan dan anugerah 'Third Collegian of The Year' telah diberikan kepada Saudara Mohammad bin Ishak, Pengurus AJK Tertinggi Kolej yang sedang mengikuti program Bacelor Sains Pertanian tahun akhir.

Menurut Fellow KK3 Puan Sabariah anugerah-anugerah tersebut diwujudkan bagi menghargai pelajar-pelajar kolej yang cemerlang baik dari segi akademik maupun kepimpinan dan penerima-penerima anugerah adalah mereka



Mohamad Ishak



Nazmi Mohd.

yang mempunyai ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh panel pemilih yang terdiri daripada fellow-fellow.

Saudara Nazmi Mohd. Nasir penerima anugerah khas kepimpinan yang ditemui selepas majlis itu berkata, pelajar-pelajar kolej harus melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kolej kerana ia akan memberikan pengalaman yang berguna kepada kita apabila kita memasuki alam pekerjaan kelak dan di samping itu ia adalah seronok serta menolong kita untuk merasai kehidupan sebagai seorang mahasiswa yang sebenar.

Manakala penerima anugerah 'Third Collegian of The Year', Saudara Mohammad Ishak berkata, setiap penglibatan kita dalam apa jua aktiviti kolej mestilah ikhlas dan jujur, berfikiran positif serta sentiasa hormat-menghormati antara satu sama lain dan yang penting sekali, kita hendaklah menjadi warga kolej yang berkecembang.

Selain aktiviti tahunan Kolej Kediaman Ketiga, Majlis Jamuan Malam Rasmi ini memberi peluang kepada warga kolej untuk berkenalan dan beramah mesra dengan tokoh-tokoh negarawan yang sedikit sebanyak menolong meningkatkan motivasi pelajar.

TIGA kertas telah dibentangkan di Seminar Homeopati yang telah diadakan di Panggung Percubaan UPM pada Mac lalu.

Kertas kerja yang dibentangkan di seminar tersebut bertajuk Homeopati Bidang dan Keupayaannya telah disampaikan oleh Prof. Madya Hj. Ir. Ahmad Khan Said.

Sementara dua kertas kerja lagi bertajuk Perkembangan Homeopati di Malaysia dan Homeopati dan Imunisasi, masing-masing telah diben-

## SEMINAR HOMEOPATI

### HUSAIN MOHAMED

tangkan oleh Prof. Madya Dr. Ir. Zainal Arpin dan Hj. Haji Hassan Salleh.

Seminar sehari telah dianjurkan bersama oleh Persatuan Perubatan Homeopati, Persatuan Mahasiswa UPM dan Hal-Ehwal Pelajar UPM.

Sebagai satu bidang perubatan, homeopati mempunyai cara rawatan yang saintifik berdasarkan penyelidikan yang rapi ke atas pesakit dan telah menunjukkan keberkesanan perubatan homeopati di kalangan pelajar dan masyarakat untuk kesejahteraan semua.

Sistem perubatan dan rawatan cara homeopati lebih menekankan kepada layanan yang sempurna dan simpati kepada pesakit, sesuai dengan tema seminar ini, "Ke Arah Kesejahteraan Insan Sejagat".

Menurut pengarah Seminar Homeopati, Taha bin Ahmad, seminar ini diadakan bagi mendedahkan dan memperkembangkan ilmu pengetahuan perubatan homeopati di kalangan pelajar dan masyarakat untuk kesejahteraan semua.

## K.P.Z. RAIKAN ULANG TAHUN KE-2

Norazuwa Mohd. Pahri

HARI Ulang Tahun Ke-2 Kolej Pendita Zab'a (K.P.Z.) pada Disember lalu telah disambut pada 6 Januari 1991 dalam satu majlis makan malam.

Majlis yang dilangsungkan bersama-sama dengan Majlis Perwakilan Majlis Tertinggi Pelajar, K.P.Z. ini telah dihadiri oleh Prof. Dr. Sulaiman bin Hj. Mohd. Yassin, pula berkata, beliau menaruh harapan yang tinggi agar warga kolej ini mencapai kejayaan yang cemerlang di bidang pelajaran setanding dengan namanya yang unggul itu.

TNC HEP, Prof. Dr. Sulaiman bin Hj. Mohd. Yassin, pula berkata, objektif diadakan majlis ulang tahun dan perwakilan ini ialah:

- \* Menghormati tarikh 17 Disember sebagai hari bersejarah meraih ulang tahun penamaan K.P.Z.
- \* Menanam rasa cinta dan sayangkan kolej bagi mewujudkan suasana kekeluargaan di kalangan para penghuni.
- \* Memperkenalkan MTP kepada penghuni K.P.Z. yang merupakan orang tengah di antara pelajar dan pentadbiran kolej.
- \* Memperkenalkan K.P.Z. kepada ma-

syarakat luar khasnya.

Katanya, menyeru rakan-rakan penghuni K.P.Z. supaya berusaha dan bekerjasama dalam menjayakan konsep "Kekeluargaan Teras Kecemerlangan" yang menjadi tema majlis itu.

Pengerusi MTP, Mohamad Ismail Samri berkata, objektif diadakan majlis ulang tahun dan perwakilan ini ialah:

Beliau juga menasihati para penghuni agar merancang dengan baik, mengimbangi masa dan bertindak melalui aspirasi dan bukan angangan sahaja.

"Minda yang cemerlang, sentiasa membincangkan idea-idea yang bernes, sedangkan minda yang kecil hanya membincangkan tentang orang lain," katanya.

Beliau juga menegaskan bahawa minda dan masa adalah amat penting bagi kecemerlangan akademik pelajar.

Sebelum mengakhiri


ucapannya, beliau telah meluahkan rasa kecewa-nya terhadap pencapaian akademik pelajar UPM yang agak lemah di mana seramai 762 orang mencapai CGPA kurang dari 1.9 dan seramai 153 orang, gagal dan diberhentikan.

Beliau menyeru agar setiap mahasiswa menjadi pendorong kepada diri sendiri bagi mencapai kejayaan di samping pandai memilih kawan yang sesuai bagi menjalin kecemerlangan diri dan akademik.

Di ulang tahun ke-2 ini, K.P.Z. telah berjaya menonjolkan bakat dan kepintaran yang canggih di mana seramai 6 penghuni K.P.Z. supaya berusaha dan bekerjasama dalam menjayakan konsep "Kekeluargaan Teras Kecemerlangan" yang menjadi tema majlis itu.

Beliau juga menasihati para penghuni agar merancang dengan baik, mengimbangi masa dan bertindak melalui aspirasi dan bukan angangan sahaja.

Pengetua K.P.Z. Hj. Ali bin Hj. Yacob, selaku Pengetua K.P.Z. memberi puji yang tinggi kepada pelajar-pelajar tersebut dan menyeru penghuni-penghuni yang lain agar lebih berani mengenangkan idea-idea yang bernes untuk kemajuan kolej.



Prof. Sulaiman menyampaikan watikah kepada Timbalan Presiden MTP KPZ, Mustafa Kamal

# SUKAN UPM



Peserta akhir bergambar dengan Yang Berbahagia Dr. Ghizan dan En. Mohd. Fauzi

## KTP, KK3 TETAP UNGGUL

Wan Aida Wan Hassan

KTP dan KK3 membuktikan keunggulan pasukan masing-masing setelah sekali lagi muncul sebagai johan bagi acara badminton lelaki dan wanita dalam Kejohanan Badminton Antara Kolej-kolej Kediaman baru-baru ini.

Acara badminton yang merupakan salah satu acara Modul Bebas telah dikelolakan oleh Kolej Kediaman Ke-4 dengan bantuan Unit Sukan, UPM.

Perlawanan pusingan awal kejohanan badminton kali ini telah diadakan di Gimnasium Fakulti Pengajian Pendidikan manakala perlawanan separuh akhir dan akhir diadakan di Panggung Percubaan.

Kejohanan yang bermula pada Februari lalu itu telah disertai oleh

PLK dan lapan kolej-kolej kediamaan yang lain tidak termasuk Kolej Kediaman Pendita Za'aba.

KTP (L) telah melayakkan diri ke pusingan separuh akhir setelah muncul sebagai johan Kumpulan A setelah menewaskan KK4 4-1 dan KK6 5-0. Di perlawanan separuh akhir, KTP berjaya mengalahkan KK3 4-1 untuk terus mara ke perlawanan akhir.

Pasukan badminton wanita KK3 pula melayakkan diri ke separuh akhir setelah muncul sebagai johan Kumpulan C menewaskan KK5 dengan 3-0 dan PLK dengan 2-1. Di perlawanan separuh akhir, KK3 terus mara ke peringkat akhir setelah mengalahkan KK2 dengan 3-0.

Dalam perlawanan akhir yang diadakan pada 11hb. Februari 1991, KTP muncul sebagai Johan Bahagian Lelaki setelah menewaskan PLK dengan 3-2. Manakala KK3 pula muncul Johan Bahagian Wanita menewaskan PLK dengan 2-1.

Dalam kejohanan kali ini, tempat ketiga bahagian lelaki telah dimenangi oleh KK5 dan KTP berjaya menduduki tempat ketiga bagi bahagian wanita.

Turut menyaksikan perlawanan akhir ialah Pemangku Pegawai Kemajuan Sukan Kanan, Unit Sukan UPM, Encik Yong Bang Kuan, Pengetua KK4, Dr. Ghizan Salleh dan Pengetua KK3, Prof. Madya Dr. Hj. Idris b. Abdol.

FOURTH College of UPM turned its 'Malam Anugerah Jelapang' to a night of the stars when the manager and three members of Kedah football team including Azmi Mahmud, the famous goal-keeper came for a dinner at the college on March 7, 1991.

Among the special guests were the Deputy Vice Chancellor of Students Affairs, Prof. Sulaiman bin Hj. Mohd. Yassin and his wife, the principal of Fourth College, Dr. Ghizan bin Salleh, Malaysian best athletes for 'Silat Olahraga', representatives from UPM Sports Unit and the fellows of Fourth and other col-

leges.

The manager of Kedah football team and the three members of Kedah football team including Azmi Mahmud, the famous goal-keeper came for a dinner at the college on March 7, 1991.

Tuan Haji Ahmad Shafie, the manager who was the ex-student of Fourth College himself, said that he would not miss his return to the Fourth College. To Tan Cheng Hoe, Lee Kin Hong and Azmi Mahmud, this was their first visit to Fourth College and UPM.

Three members from National Sports Council (MSN) were Mohd. Khairi Abd. Rahman, the reigning World Champion of 'Silat

menekekkan tentang perlunya mempelajari seni Silat Gayung dan memanfaatkannya dengan sebaik mungkin supaya ianya kekal kepada generasi akan datang.

Beliau juga menegur sikap sesetengah ahli yang seolah-olah tidak sayangkan seni warisan bangsa dan mencari punca kenapa terdapat ahli yang lebih suka menceburkan diri dengan persatuan bela diri yang lain.

Harapan beliau agar lebih ramai lagi mahasiswa yang menceburkan diri dalam seni mempertahankan diri kerana terdapat kekurangan tenaga pengajar dari kalangan kaum wanita.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata dari pengarah PSSGUPM, Saudara Ahmad Shukri Mat Isa kepada Cikgu Rasul dan persembahan demonstrasi Silat Gayung oleh ahli-ahlinya.



## AZMI MAHMUD AT 4 TH COLLEGE

Olahraga', Ahmad Kus-hairi Ibrahim and Normala Yaakub who was also among the winners in the World Championship of 'Silat Olahraga'.

'Malam Anugerah Jelapang' in an annual dinner to honour Fourth College personalities and final year students who do the college proud in their respective fields.

Among the awards given were to Eng Boong Kway for the best male athlete, Norzah Abd. Ghani for the best female athlete, Ruzman Ahmad for the most creative student of the year and to Roland Balandong for the best new athlete.

Roland Balandong said that the award given to him was unexpected and he was thankful to receive the award.

"I could not have asked for a better inspiration," he said.

Ruzman Ahmad said, "I am thankful to everybody involved in giving me this award and I will cherish this sweet memory for a long time."

The Fourth College students never wanted to miss the golden opportunity to talk face-to-face with the athletes who came for the dinner.

All the athletes expressed their thanks to those involved in inviting them for the dinner.

## Malam Anugerah Lencana Sukan KPZ


Nor Azuwa & Haidawati



**Rabiatul Alawiah**



**Khairul Bariah**



**Aishah Osman**



**Norazimah Awana**

SEKRETARIAT Sukan Majlis Tertinggi Pelajar (MTP) Kolej Pendita Za'ba, menganjurkan Malam Penganugerahan Lencana Sukan bagi kali kedua pada Mac lalu di Dewan Makam kolej itu.

Tujuan penganugerahan ini adalah untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga kolej yang telah menyumbangkan tenaga di bidang sukan dan menggalakkan penglibatan warga kolej sama ada di peringkat kolej, universiti atau negara.

Pengetua KPZ, Hj. Ali Hj. Yacob, di dalam ucapannya berkata, pelajar harus mengenang kembali kata-kata Pengurus Yayasan Pendita Za'ba, YM. Tunku Tan

Sri Mohamed Tunku Besar Burhanuddin, iaitu apabila kita bermain, bermainlah sepantasnya dan apabila belajar, belajarlah setakun-tekunnya.

Manakala, penerima Anugerah Lencana Separuh terdiri daripada Azman Mohd. Zaini, Ravi Chandran A/L Karuppanan, Mohd. Mahathir Ahmad, Norzilla Md. Idris, Hasnee Yahya, Sufain Ahmad, Zahraini Kassim, Nor Azah

Juperi, Rohaida Hod, Abd. Aziz Berlin, Mohd. Nordin Mahani, Mohd. Halimi Bakar, Normahwati Baba dan Faridzhanum Md. Fadzah.

Anugerah khas pemain terbaik untuk setiap permainan telah dimenangi oleh Zamri Ismail, Sashidharan A/L Vasutheven, Rabiatul Alawiah Abd. Aziz dan Kamalawati Mansor.

Saudara Shamsul Mu-

taza Abu Bakar adalah pemenang anugerah khas Pengurus Terbaik Keseluruhan.

Olahragawan dan olahragawati KPZ, disambang oleh Sasidharan A/L Vasutheven dan Kamalawati Mansor.

Tahniah diucapkan kepada pemenang-pemenang dan semoga pasukan Kolej Pendita Za'ba dikenali di seluruh dunia.

## KK3 JUARA SKUASY

### WAN AIDA WAN HASSAN

KK3 muncul sebagai johan bagi Pertandingan Skuasy Antara Kolej-kolej Kediaman UPM baru-baru ini. Kejohanan yang bertempat di Gelanggang Skuasy, Unit Sukan, UPM itu telah berlangsung selama seminggu, berakhir pada Februari lalu.

KK3 yang hanya berjaya menduduki tempat ketiga pada sesi lepas muncul sebagai johan bagi kejohanan kali ini setelah menewaskan KK2 dengan 3-0.

Acara skuasy yang termasuk dalam Modul Ketiga Pertandingan Sukan Antara Kolej-kolej

Kediaman UPM 1990/91 merupakan acara campuran di mana setiap pasukan dikehendaki menyenaraikan tujuh pemain, iaitu 5 pemain lelaki dan 2 pemain wanita.

Di pusingan awal, KK3 berjaya menewaskan KK4, KPZ dan KKCR untuk muncul sebagai johan Kumpulan C. KK3 seterusnya mara ke pusingan akhir setelah menewaskan KK2 di pusingan kedua.

Tempat ketiga acara skuasy kali ini dimenangi oleh KK2 manakala KK6 di tempat keempat.

# SUKAN UPM

## TAE-KWAN-DO DIJADIKAN SUKAN KOLEJ KEDIAMAN

MOHD. RAZALI B. MOHAMMAD

TAE-KWAN-DO merupakan acara sukan yang baru diketengahkan pada sesi ini sebagai Sukan Kolej Kediaman UPM yang telah berlangsung di Gimnasium Fakulti Pendidikan baru-baru ini.

Perkara yang menarik dalam acara ini adalah setiap kolej dibenarkan

menghantar seberapa ramai peserta dan seramai 80 peserta mengikuti pertandingan tersebut.

Antara acara yang dipertandingkan adalah Free Sparring, One Step Sparring dan Pattern lelaki dan perempuan yang dijalankan sehari suntuk dan diikuti oleh

peserta dengan penuh didisiplin dan tanggungjawab walaupun ada di antara peserta adalah bukan ahli Tae-Kwon-Do seperti silat dan Karate-Do.

Berikut adalah keputusan Tae-Kwon-Do antara kolej-kolej kediaman UPM.

### PINGAT

KOLEJ	
K.K 2	4 emas, 1 perak
K.K 3	3 emas
K.K 5	2 emas, 5 perak
K.K 6, K.K 4, K.KCR	2 emas, 3 perak
K.K 7	2 emas, 1 perak
PLK	2 emas
KTP	1 emas, 1 perak
KPZ	3 perak

Ketua Unit Sukan, Encik Yong Bang Kuang berkata sambutan yang menggalakkan dari kolej kediaman dan PLK ini memberikan satu petanda yang baik un-


tuk acara sukan ini dikekalkan sebagai Sukan Kolej Kediaman UPM dan seterusnya antarabangsa.

Beliau juga berharap pelajar terutamanya pemintas


sukan ini menggunakan peluang yang tersedia sepenuhnya agar dapat mencapai hasrat universiti untuk melahirkan lebih ramai atlet yang berjaya.

## SAMBUTAN FENOMENA DI LUAR DUGAAN

Oleh: Bakhari Ariff dan Hasani Hassan



Azizi Abu



Dayang Jasmin

FILEM arahan Aziz M. Osman 'Fenomena' mendapat sambutan yang sangat menggalakkan di kalangan mahasiswa UPM bila ia ditayangkan di Panggung Percubaan pada 6 Mac lalu.

Sebuah tiket 2 ringgit yang jumlahnya lebih 400 habis dijual, kata Dayang Jasmi Awang Mahmud, pengarah kepada tayangan filem itu.

Filem Fenomena dipilih, katanya, kerana memandangkan filem ini mencapai tahap 'box Office' dan juga kerana di dalamnya terdapat unsur-unsur tradisional yang sangat berguna untuk pelajar menghayatinya.

Menurutnya lagi, objektif tayangan filem ini bukan sahaja untuk mengumpul duit untuk membayai aktiviti kelab keusahawanan tetapi juga adalah untuk membuka fikiran para mahasiswa tentang bidang profileman.

Selain itu, katanya, filem juga dapat membaskan fikiran sesetengah pelajar daripada belenggu kulih, tutorial, kertas kerja dan sebagainya.

Sebelum tayangan filem fenomena, satu diskusi tentang kerjaya profileman telah disampaikan oleh Azizi Satar manakala sebelum tayangan filem 'Hati Bukan Kristal' pada malam sebelumnya, satu diskusi kerjaya dalam bidang nyanyian telah disampaikan oleh penyanyi veteran terkenal, Ahmad Daud.

Dayang Jasmin Awang Mahmud ialah

pengurus pentadbir kepada kelab keusahawanan UPM dan merupakan seorang diploma pembangunan manusia tahun akhir.

Sementara itu, Azizi Abas pengurus perancangan (Manager Planning) kelab keusahawanan berkata, kelab keusahawanan adalah kelab yang baru ditu-

bukan iaitu pada Julai dan dirasmikan oleh Dr. Yusof Noor, September tahun lalu.



Pasukan KPZ memang handal

## KPZ JUARA RAGBI KOLEJ KEDIAMAN

Helmi Abdul Halim

PASUKAN ragbi Kolej Kediaman Zaaba berjaya mempertahankan kejuaraan apabila menewaskan KK2, 10-7, dalam pertandingan ragbi antara kolej kediaman.

Sebanyak lapan pasukan dari semua kolej kediaman telah mengambil bahagian dalam pertandingan itu kecuali KK4 dan PLK dan kejohanan ini dianjurkan bersama oleh pasukan ragbi Serdang Angels dan Unit Sukan HEP.

Perlawanan yang menarik itu telah memperlihatkan KPZ yang dida-

langi oleh 4 orang pemain Selangor telah mengasak dari awal perlawanan, namun begitu KK2 yang diketuai oleh pemain negara Shaiful Hadi sering bertindak cemerlang melakukan serangan balas.

Tempat ketiga dimenangi oleh KKCR yang berjaya mengalahkan KK3 dengan 4 gol tanpa balas dan pemain terbaik disandang oleh Mohd. Hazli Abdul Fa'tah dari KK2 dan merupakan salah seorang pemain universiti. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Prof. Ma-

dya Dr. Yahya Mat Hassan.

Menurut ketua ragbi UPM, Nor Shuhaimi Jamaluddin, kejohanan ini bertujuan mencungkil bakat baru bagi mengantikan pemain yang akan bergraduat. Mutu kejohanan ini juga setanding dengan kejohanan antara universiti, tambah beliau lagi.

Menurut salah seorang pemain ragbi UPM, kejohanan kali ini merupakan yang terbaik sepanjang pengajian beliau di sini kerana semua pasukan menuarkan pemain yang

berpengalaman dan telah membuat persediaan rapi untuk menghadapi kejohanan ini.

Sebelum pertandingan antara kolej, telah berlangsung pertandingan antara kolej ex Angels (Alumni) iaitu pertandingan liga Serdang. Kejohanan itu dimenangi oleh ex Angels.

Mohd. Khilmi bin Yusuf selaku pengurus penganjur mengucapkan tahniah kepada KK5 kerana berjaya membentuk seluruh pasukan yang mampu memberi contoh

## BERKAIN PELEKAT MAIN BOLA JARING

Oleh Hasani Hassan

PERNAHKAH anda melihat orang lelaki bermain bola jaring dan memakai kain pelekat? Anda mungkin telah terlepas peluang yang amat menarik ini.

Sekumpulan mahasiswa Kolej Kediaman Keenam telah menimbulkan idea yang gila-gila ini sempena Hari

Salak pada 8 Mac yang lalu. 'Hari Salak adalah hari untuk merayakan blok Salak Kolej Kediaman Keenam di mana di hari perayaan tersebut hampir kesemua penghuni blok telah mengambil bahagian.'

Pada perayaan tersebut, pelbagai aktiviti telah dijalankan dan yang

paling menarik adalah perlawanan bola jaring antara tingkat dan tingkat bawah atau nama yang mereka berikan iaitu 'Grand Federal Salak' telah menonjolkan kreativiti mereka dengan memakai kain pelekat sebagai samping di dalam perlawanan tersebut.



Pelbagai gunanya kain pelekat.

Perayaan ini sebenarnya bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama ahli blok yang sedia ada di samping menambah kemesraan sesama sendiri dan dengan itu diharapkan ahli blok dapat bekerjasama dan bertoleransi untuk mewujudkan sebuah keluarga raksasa yang harmoni.

Sukaneka turut dijalankan pada sebelah petangnya dan pada malamnya pula jamuan dan persembahan kebudayaan telah diadakan.

Setiap tingkat telah mempersembahkan persembahan mereka dan sekali lagi kreativiti ahli blok terserlah dengan pertunjukan yang sungguh bermaya dan berpotensi lagi mampu mencuit hati penontonnya.

Adalah diharapkan para penghuni blok akan lebih kreatif dalam mempersembahkan sesuatu agar ianya lebih menarik dan yang pentingnya ia akan menjadi pendorong yang sihat ke arah kemajuan bersama.

# SUKAN UPM

## UPM JUARA SUKAN MASUM II

WAN AIDA WAN HASSAN  
HUSAIN OSMAN




Bola hantaran dari pasukan UPM menghampaskan pihak lawan

UPM telah menujuari sukan MASUM II dan Liga Kebangsaan MASUM 1991 dalam pertandingan akhir yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi baru-baru ini.

Pada hari terakhir berlangsungnya pertandingan tersebut, dua acara akhir dijalankan untuk bola sepak dan bola jaring, kedua-dua acara ini berjaya dimenangi oleh UPM setelah menewaskan UUM dan UM.

UPM menujuari sebelas acara antaranya bola sepak, bola jaring, ragbi, tae kwondo, pingpong (L), pingpong (W), hoki (L) dan bola tampar. Manakala naib johan dalam empat acara antaranya hoki (W) dan sepak takraw.

Menteri Belia dan Sukan, Senator Anuar Musa, telah menyampaikan hadiah kepada pemenang sukan tersebut.



Peserta UPM menerima hadiah

## SEVENTH COLLEGE WINNER OF JOGA-ORIENTEERING

SALMIAH MOHD. GHAZALI

TWO teams from the Seventh College won the Joga-Orienteering competition 90/91 which was held at Air Hitam Reserved Forest Camp on February 10, 1991.

This competition was organized by the students from the Faculty of Forestry and PMUPM.

The Deputy Vice-Chancellor of Students Affairs, Prof. Sulaiman Hj. Mohd. Yassin officially declared open the competition at 8.45 a.m. at the UPM Pavilion.

The Seventh College

team A and B beat other six teams from the Fourth College, Kolej Pendita Za'ba, Kolej Kediaman Cikgu Rashid, Second College and Fifth College.

The Joga-Orienteering Competition was divided into two events. The first event was a 6 kilometre run from UPM to Air Hitam camp - site. In the second event, the teams had to complete an orienteering course, a combination of point-to-point using a compass and a map, dirt-track

racing and an obstacle race in the forest. There were twelve points to be completed.

The Seventh College team A won the first prize with a time of 2 hours, 04 minutes and 33 seconds, the fastest team to arrive at the last check-point.

Prof. Madya Dr. Kamis bin Awang, the Dean of the Faculty of Forestry and Encik Mohd. Sani bin Marlan of UPM Students Affairs were present to give away the prizes.



Barisan pemain PLK.

## PLK JUARA BOLA SEPAK

HUSAIN OSMAN

PLK berjaya menjual rai pertandingan bola sepak inter-kolej bagi sesi 1990/91 setelah dengan mudah mengalahkan pasukan KK4 8-1, dalam perlawanan akhir yang diadakan di padang A akhir Februari lalu.

PLK telah menunjuk-

kan permainan yang baik walaupun terpaksa bermain dalam keadaan padang yang berair akibat hujan yang turun semasa perlawanan akhir.

Dalam permainan yang tidak seimbang, KK4 mampu bertindak-balas setelah ketinggal-

an dan berjaya menghalau gol tunggalnya pada separuh masa kedua.

Piala kemenangan telah disampaikan oleh Pengetua Kolej Kediaman Ke-4, Dr. Ghizan Salleh selepas pertandingan.

PLK berjaya melang-

kah ke perlawanan akhir setelah menewaskan KTP manakala KK4 berjaya menewaskan KK3 untuk ke perlawanan akhir.

KK3 menewaskan KTP bagi menduduki tempat ketiga setelah mendahului KTP 1-0 dalam masa tambahan.

## PESTA SUKAN PELAJAR SABAH

LAUPA JUNUS & MOHAMAD RAZALI

UNIVERSITI Pertanian Malaysia (UPM) telah berjaya meraih tempat kedua dalam Pesta Sukan Pelajar Sabah Bagi Pusat Pengajian Tinggi Semenanjung Kali Yang Ke-12 baru-baru ini.

Pesta sukan yang berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Institut Teknologi Melayu (ITM), Universiti Sains Malaysia (USM)

mah telah berjaya merebut Piala Kejohanan yang disandang oleh UPM pada tahun lalu dengan memenangi 5 emas dan 2 perak sementara UPM merangkul 5 emas dan 1 perak.

Kejohanan tersebut

dan Institut Kesihatan Umum (IKU).

Menurut Ketua Kontinjen UPM, En. Romanus B. Joannes, penyertaan UPM kali ini menunjukkan prestasi yang baik walaupun gagal mempertahankan gelaran.

UPM berjaya memperolehi pingat emas dalam acara bola sepak, bola keranjang lelaki dan wanita serta pingpong lelaki dan wanita. "UPM kehilangan satu pingat emas yang dime-

nangnya pada tahun lalu menerusi acara hoki lelaki" ujarnya lagi.

Acara kemuncak pesta sukan tersebut ialah malam penutupan serta penyampaian hadiah yang diadakan pada sebelah malam setelah semua acara selesai dijalankan selama dua hari berturut-turut 12 hingga 13hb. Januari 1991.

Majlis tersebut diadakan di Asrama Kelima UM yang juga dikenali sebagai Asrama Kinabalu di mana majlis penutupan rasmi dilakukan oleh Pegawai Perhubungan Pelajar Sabah En. Azman Imbayan.

Dalam ucapan penutupnya, beliau memuji pihak pengangur yang memilih tema 'BERSATU BERJAYA' yang disifatkan sebagai tepat dan amat sesuai kerana menurut beliau sesuatu kejayaan hanya boleh dicapai dengan kerjasama yang padu dari semua pihak.

Beliau seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang tetapi yang menarik dalam majlis ini ialah penyampaian hadiah tersebut diselang-selikan dengan persembahan-persembahan kebudayaan dari Negeri Di Bawah Bayu yang dikendalikari sendiri oleh pelajar-pejabarnya.



Yang Berbahagian Prof. Dr. Sulaiman Hj. Mohd. Yassin flagging off Joga Orienteering.